

DR. NORHANA BINTI AHAD  
PN. SURIATI BINTI BARNING



# ASAS SYARIAH DALAM MUNAKAHAT



## **DECLARATION OF COPYRIGHT**

### **EDITOR**

Dr. Mohammad Fahmi bin Abdul Hamid  
Pensyarah Kanan  
Akademi Pengajian Islam Kontemporari  
Universiti Teknologi Mara (UiTM) Melaka

### **WRITER**

Dr. Norhana binti Ahad  
Ustazah Suriati binti Barning

### **APPLICATION PUBLISHERS AND DEVELOPERS**

Politeknik Melaka, Melaka

### **PUBLISHED EDITION 2022**

#### **Published by :**

#### **POLITEKNIK MELAKA**

No. 2, Jalan PPM 10  
Plaza Pandan Malim  
75250 Melaka

[Tel: 06-3376000](tel:06-3376000)

---

Perpustakaan Negara Malaysia

Norhana Ahad, Dr. 1988 -

ASAS SYARIAH DALAM MUNAKAHAT / DR. NORHANA BINTI AHAD,  
PN. SURIATI BINTI BARNING.

Mode of access: Internet

eISBN 978-967-0838-74-8


1. Marriage--Religious aspects--Islam.
  2. Families--Religious aspects--Islam.
  3. Marriage (Islamic law).
  4. Government publications--Malaysia.
  5. Electronic books.
- I. Suriati Barning, 1973-.
- II. Judul.
- 297.577
- 

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

### **ALL RIGHTS RESERVED**

No part of this work covered by the copyright here on may be reproduced or used in any form or by any means – graphic, electronic or mechanical, including photocopying, recording, taping, web distribution or information storage and retrieval systems – without the written permission of the publisher.

---



## PRAKATA

Alhamdulillah, atas segala curahan hidayah dan maunah-Nya, penulis memanjatkan rasa syukur yang tidak terhingga kerana dikurniakan ruang dan masa untuk menyelesaikan *ebook* yang berjudul ***Asas Syariah Dalam Munakahat***.


Medan perbincangan fiqh sangat luas untuk diterokai. Namun penulis memilih secebis perbincangan yang wujud dalam aspek munakahat pada penulisan kali ini, sebagai batu loncatan masa mendatang untuk perbahasan aspek lainnya seperti fiqh Ibadah, Muamalat dan lain lagi.

*Ebook* ini mengetengahkan perbincangan aspek munakahat dari awal fasa pra perkahwinan, semasa dan implikasi yang wujud selepas termetarainya pernikahan. Titik awal yang paling penting bagi setiap individu adalah bermula dengan mengenalpasti golongan yang tidak dibenarkan berkahwin supaya tidak berkait dengan isu berbangkit kemudian hari sekiranya aspek ini dipandang remeh. Seterusnya hukum-hakam yang berkait dengan perkahwinan turut diketengahkan sebagai informasi tambahan yang boleh dijadikan panduan ilmu kepada masyarakat disamping keghairahan melangsungkan perkahwinan.

Bersama terbitnya *ebook* ini, jutaan terima kasih dirakamkan kepada sahabat penulis, Ustazah Suriati Binti Barning yang bersama menyumbang idea dalam penulisan ini, selain barisan jawatankuasa yang terlibat secara langsung dalam segenap prosedur yang terlibat bagi menjayakan penerbitan *ebook* ***Asas Syariah Dalam Munakahat***.

Sesungguhnya karya *ebook* ini masih jauh dari kesempurnaan. Sekiranya terdapat sebarang kekurangan mahupun saranan, sudilah kiranya untuk dimajukan kepada penulis sebagai pelentur semangat untuk senantiasa belajar dan terus belajar. Akhir kalam, semoga karya sederhana ini dapat dimanfaatkan kepada para pembaca, tidak kira latar belakang bidang dan pengajian. Segala yang baik itu datangnya dari Allah, dan setiap kekurangan itu juga datangnya dari Allah atas khilaf penulis sendiri. Sekian. Wassalam.

*Dr. Norhana binti Ahad (norhana\_polimelaka.edu.my)*



## **ABSTRAK**


Fitrah manusiawi memerlukan teman hidup serta zuriat keturunan kerana ianya mampu melahirkan ketenteraman jiwa. Bagi mencapai hasrat ini, ianya dapat dicapai melalui jalan perkahwinan. Perkahwinan merupakan satu tuntutan yang lumrah dalam kehidupan dan kejadian manusia. Ini kerana melalui perkahwinan dapat membiakkan keturunan dan mengekalkan kelanjutan generasi manusia. Selain itu juga dapat menjalin tali persaudaraan berasaskan cinta, kasih sayang antara satu sama lain. Demikian itu perkahwinan adalah aspek yang mendapat perhatian yang besar dalam Islam.

Dalam penulisan ini, skop perbincangan menjurus kepada asas syariat dalam munakahat, atau lebih sinonim dengan aspek perkahwinan dalam Islam bermula daripada perkara asas dalam pra perkahwinan yang mana menyentuh tentang konsep asas, dalil pensyariatan, matlamat perkahwinan, serta hukum hakam yang berkisar tentang golongan yang haram dikahwini. Perbincangan selanjutnya diteruskan dengan panduan dalam pemilihan pasangan hingga membawa kepada implikasi perkahwinan itu sendiri yang menuntut kepada tanggungjawab pasangan dalam rumah tangga.


Tidak dinafikan aplikasi asas syariat ini sebenarnya perlu dihuraikan dalam konteks yang lebih besar memandangkan pemakaianya meliputi setiap sisi kehidupan manusia. Namun diharapkan penulisan ini dapat memberi sedikit sebanyak maklumat tentang asas yang terkandung dalam syariat Islam berkisar hal ehwal perkahwinan. Selain itu juga ianya dapat memperkaya bahan ilmiah yang boleh membawa kepada perkembangan ilmu kekeluargaan Islam.

## SENARAI KANDUNGAN

<b>DECLARATION OF COPYRIGHT .....</b>	<b>i</b>
<b>PRAKATA.....</b>	<b>ii</b>
<b>ABSTRAK .....</b>	<b>iii</b>
<b>SENARAI KANDUNGAN .....</b>	<b>iv</b>
<b>SENARAI JADUAL.....</b>	<b>vii</b>
<b>1. KONSEP ASAS PERKAHWINAN .....</b>	<b>1</b>
1.1 Pengenalan.....	1
1.2 Pernikahan dari Sudut Bahasa dan Istilah.....	1
1.3 Dalil Pernikahan.....	2
1.4 Matlamat Dan Tujuan Pernikahan.....	4
1.5 Hikmah Perkahwinan.....	5
<b>2. GOLONGAN HARAM DIKAHWINI DALAM ISLAM.....</b>	<b>7</b>
2.1 Pengharaman Berkahwin Sementara Waktu .....	8
2.2 Pengharaman Berkahwin Selama-Lamanya.....	8
2.2.1 Larangan kerana Keturunan (Nasab).....	8
2.2.2 Larangan Kerana Persemendaan (Musaharah) .....	9
2.2.3 Larangan Kerana Susuan (Radha'ah) .....	10
<b>3. HUKUM PERKAHWINAN DALAM ISLAM .....</b>	<b>11</b>
3.1 Harus.....	11
3.2 Sunat .....	11
3.3 Wajib .....	12
3.4 Makruh.....	12
3.5 Haram .....	12
<b>4. DASAR PEMILIHAN JODOH.....</b>	<b>13</b>
<b>5. PEMINANGAN (AL-KHITBAH) .....</b>	<b>15</b>
5.1 Konsep dan Hukum Peminangan .....	15
5.2 Batas Had Yang Boleh Dilihat Untuk Pertunangan .....	16
5.3 Beberapa Peraturan Lain Berkaitan Dengan Pertunangan.....	16
<b>6. RUKUN NIKAH .....</b>	<b>18</b>
6.1 Syarat Rukun Nikah .....	18
6.1.1 Syarat Bagi Bakal Suami .....	18



<b>6.1.2</b>	<b>Syarat Bagi Bakal Isteri.....</b>	<b>19</b>
<b>6.1.3</b>	<b>Syarat Bagi Wali.....</b>	<b>19</b>
<b>6.1.4</b>	<b>Syarat Bagi Saksi.....</b>	<b>23</b>
<b>6.1.5</b>	<b>Syarat Bagi Ijab &amp; Qabul .....</b>	<b>24</b>
	<b>Syarat-syarat Ijab Dan Qabul .....</b>	<b>24</b>
	<b>Bil .....</b>	<b>24</b>
	<b>Syarat Ijab.....</b>	<b>24</b>
	<b>Syarat Qabul .....</b>	<b>24</b>
1 .....	.....	24
Pernikahan hendaklah dengan perkataan nikah atau dengan perkataan yang sama maksudnya secara terang dan tepat. Seperti: .....	.....	24
<b>"ankahtuka" (aku nikahkan engkau) atau lafaz "zawajtuka" (aku kahwinkan engkau)</b> .....	<b>24</b>	
Lafaz Qabul (terima) hendaklah sesuai dengan lafaz ijab.....	.....	24
2 .....	.....	24
Hendaklah terang dan nyata, bukan kiasan.....	.....	24
3 .....	.....	24
4 .....	.....	24
Tidak diikatkan atau mengandungi perkataan yang terbatas tempoh waktunya .....	.....	24
5 .....	.....	25
6 .....	.....	25
7 .....	.....	25
<b>7. WALIMATUL URUS DAN HUKUM HAKAM BERKAITAN .....</b>	<b>26</b>	
<b>7.1</b>	<b>Konsep Walimatul 'Urus.....</b>	<b>26</b>
<b>7.2</b>	<b>Panduan mengadakan walimatul 'urus.....</b>	<b>27</b>
<b>7.3</b>	<b>Hukum menghadiri walimatul 'urus .....</b>	<b>33</b>
<b>7.4</b>	<b>Kepentingan Walimatul 'Urus .....</b>	<b>33</b>
<b>8. TANGGUNGJAWAB AHLI KELUARGA .....</b>	<b>35</b>	
<b>8.1</b>	<b>Tanggungjawab Suami .....</b>	<b>35</b>
<b>8.2</b>	<b>Tanggungjawab isteri .....</b>	<b>39</b>
<b>8.3</b>	<b>Tanggungjawab Bersama .....</b>	<b>43</b>
<b>SOALAN ULANGKAJI 1 .....</b>	<b>47</b>	
<b>SOALAN ULANGKAJI 2 .....</b>	<b>54</b>	
<b>SKEMA JAWAPAN ULANGKAJI .....</b>	<b>60</b>	
<b>1. ULANGKAJI 1 .....</b>	<b>60</b>	
<b>2. ULANGKAJI 2 .....</b>	<b>62</b>	



Pernikahan hendaklah dengan perkataan nikah atau dengan perkataan yang sama maksudnya secara terang dan tepat. Seperti: .....	64
“ankahtuka” ( <i>aku nikahkan engkau</i> ) atau lafaz “zawajtuka” ( <i>aku kahwinkan engkau</i> ).....	64
Lafaz Qabul (terima) hendaklah sesuai dengan lafaz ijab.....	64
Hendaklah terang dan nyata, bukan kiasan.....	64
3 .....	64
4 .....	64
Tidak diikatkan atau mengandungi perkataan yang terbatas tempoh waktunya .....	64
5 .....	64
6 .....	65
<b>SENARAI RUJUKAN .....</b>	<b>66</b>

## **SENARAI JADUAL**

Jadual 4.1 : Ciri Pemilihan Bakal Isteri .....	14
Jadual 4.2 : Ciri Pemilihan Bakal Suami.....	14
Jadual 5.1 : Hukum Meminang Beserta Penerangan.....	16
Jadual 6.1 : Syarat Ijab dan Qabul.....	24

## **1. KONSEP ASAS PERKAHWINAN**

### **1.1 Pengenalan**

Islam disyariatkan untuk memberi kemaslahatan kepada seluruh manusia dan menghindarkannya dari kemafsadatan. Demikian itu salah satu daripada petunjuk Allah SWT dalam syariat Islam adalah dengan pensyariatan pernikahan dan pengharaman zina. Aturan ini sebagai satu bentuk implementasi maqasid syarah iaitu menjaga keturunan (hifz al-nasl). Namun untuk mencapai matlamat ini hendaklah perkahwinan itu dilangsungkan dalam rangka yang digariskan oleh syarak bagi memastikan keabsahan perkahwinan tersebut.

Perkahwinan juga merupakan instrumen primer kepada pembinaan keluarga sebagai unit asas dan tunjang sesebuah masyarakat. Fitrah ini akhirnya membawa kepada suatu bentuk hubungan manusia yang agung kerana tuntutan tanggungjawab secara timbal balik di antara kedua belah pihak, suami ataupun isteri (Sulaiman, 2002). Bahkan hubungan ini tidak terbatas antara suami dan isteri sahaja, namun lebih jauh daripada itu dapat mempereratkan lagi hubungan antara keluarga pihak suami dan keluarga pihak isteri. Demikian itu perkahwinan disebut juga sebagai mithaqan ghalizan atau ikatan yang sangat kuat.

### **1.2 Pernikahan dari Sudut Bahasa dan Istilah**

Pelbagai definisi tentang perkahwinan telah diberikan oleh para sarjana (ulama) Islam, antara yang terpilih ialah ; Suatu akad yang menghalalkan pergaulan di antara seorang lelaki dengan seorang perempuan yang bukan muhrim dan menimbulkan hak serta kewajiban antara kedua-dua mereka (Mat Saad, 1993).

Manakala dalam pengertiannya yang lebih luas perkahwinan adalah satu ikatan lahir di antara dua orang, lelaki dan perempuan untuk hidup bersama di dalam sebuah rumah tangga di samping melahirkan zuriat sebagai meneruskan kelangsungan hidup manusia menurut batas-batas (disiplin) hak dan tanggungjawab yang telah ditetapkan oleh syarak (Mat Saad, 1993).

Konsep umum perkahwinan ini tidak jauh berbeza dengan pentafsiran secara terminologi dan istilah yang diketengahkan ilmuwan dan agamawan lain. Sorotan secara terminologi (bahasa), perkahwinan ialah himpunan, pengumpulan, percantuman, persetubuhan dan akad (al-Ghazzi,1970) Selain itu ada yang mendefinikan nikah sebagai menindas, setubuh dan senggama (Al-Shan'ani, 1995).

Dalam konteks syarak (analogi) pula bererti suatu akad yang menghalalkan pergaulan dan membatasi hak-hak kewajipan serta tolong-menolong antara seorang lelaki dengan seorang perempuan yang di antara keduanya bukan mahram (Sulaiman,1976). Berpadanan dengan tafsiran yang mana meletakkan nikah ini sebagai satu akad yang mengandungi rukun-rukun dan syarat-syarat tertentu untuk mengharuskan pergaulan dan menghalalkan persetubuhan (al-Khin,1992).

Daripada kesemua tafsiran ini, asasnya perkahwinan adalah akad perjanjian untuk menyatukan lelaki dan perempuan bagi menghalalkan hubungan kelamin, bertujuan mencapai kebahagiaan yang berkekalan mengikut garis panduan yang ditetapkan syarak. Islam di samping menekankan faktor penerusan zuriat yang halal sebagai tujuan utama perkahwinan (Rozumah & Rumaya, 2002).

### 1.3 Dalil Pernikahan

Terdapat banyak nas-nas al-Quran dan al-Hadith Rasulullah S.A.W yang menerangkan tentang galakan dan suruhan Islam berhubung perkahwinan terhadap umatnya dengan menggariskan syarat-syarat yang teratur dalam menegakkan konsep perkahwinan Islam secara syumul, universal dan berhikmah. Antaranya dapat dilihat dalam firman Allah :

وَأَنْكِحُوا الْأَيَامِي مِنْكُمْ وَالصِّلَاحِينَ مِنْ عِبَادِكُمْ وَإِمَائِكُمْ

*Terjemahan: "Dan kahwinkanlah orang-orang yang sendirian di antara kamu, dan orang-orang yang layak (berkahwin) dari hamba-hamba sahayamu yang lelaki dan hamba-hamba sahayamu yang perempuan"*

al-Nur (24) :32

Ayat ini sebagai galakan untuk lelaki mengahwini wanita yang bersendirian lebih-lebih lagi yang sudah pernah berkahwin (janda). Ayat ini juga secara tidak langsung sebagai galakan perkahwinan untuk mengelakkan berlakunya penzinaan dengan wujudnya pasangan di sisi, maka keperluan nafsu dapat dipenuhi dengan cara halal dan tiada lagi pencarian kepada cara yang haram.

Firman lain dapat dilihat pada surah al-Nisa' ayat 3 iaitu :

وَإِنْ خِفْتُمْ أَلَا تُقْسِطُوا فِي الْيُتَّمِي فَإِنْكِحُوهُمَا طَابَ لَكُمْ مِنَ النِّسَاءِ مَتَّى وَئِلَّا وَرَبِيعٌ فَإِنْ خِفْتُمْ أَلَا تَعْدِلُوهُمْ فَوَاحِدَةً أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ ذَلِكَ أَذْنِي أَلَا تَعُولُونَ


*Terjemahan : "Dan jika kamu khawatir tidak akan mampu berlaku adil terhadap (hak-hak) perempuan yatim (bilamana kamu menikahinya), maka nikahilah perempuan (lain) yang kamu senangi: dua, tiga atau empat. Tetapi jika kamu khawatir tidak akan mampu berlaku adil, maka (nikahilah) seorang saja, atau hamba sahaya perempuan yang kamu miliki. Yang demikian itu lebih dekat agar kamu tidak berbuat zalim."*

al-Nisa' (4) :3

Ayat tersebut merupakan dalil atau sumber yang kukuh dan telus dalam perundangan Islam mengenai galakan supaya umatnya berkahwin (al-Khin, 1992) yang mana kaum lelaki disuruh memilih seorang, dua, tiga dan empat untuk dijadikan isteri. Jika lelaki tersebut tidak mampu untuk menunaikan kewajipan atau tanggungjawab sebagai suami dan takut tidak dapat melaksanakan keadilan sekiranya mempunyai beberapa orang isteri, maka Islam menghendaki mereka berkahwin hanya dengan seorang perempuan sahaja.

Di samping suruhan dan galakan melalui firman Allah dalam al-Quran, terdapat banyak hadith Rasulullah S.A.W yang turut menerangkan galakan berkahwin ke atas umatnya. Antaranya daripada 'Abdullah bin Mas'ud sebagaimana sabda Rasulullah S.A.W :

يَا مَعْشَرَ الشَّبَابِ مَنِ اسْتَطَاعَ مِنْكُمُ الْبَاءَةَ فَلْيَتَرْوَجْ فَإِنَّهُ أَغَضُ لِلْبَصَرِ وَأَخْسَنُ لِلْفُرْجِ وَمَنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَعَلَيْهِ بِالصَّوْمِ فَإِنَّهُ لَهُ وِجَاءٌ



*Terjemahan: "Wahai para pemuda, sesiapa yang berupaya di kalangan kamu untuk berkahwin, maka hendaklah ia berkahwin sebab perkahwinan itu lebih menundukkan pandangan dan lebih menjaga kehormatan. Dan barangsiapa yang tidak berkemampuan, hendaklah ia berpuasa kerana puasa itu menjadi perisai baginya."*

Berdasarkan saranan yang diketengahkan daripada dalil al-Quran dan hadis ini menunjukkan betapa Islam menggalakkan perkahwinan bagi memenuhi keperluan naluri dan fitrah semula jadi manusia di samping pengiktirafan sebuah ikatan yang sah dan halal.

#### 1.4 Matlamat Dan Tujuan Pernikahan


Rumahtangga dalam Islam dibina berpaksikan ikatan perhubungan jiwa dan emosi yang suci serta luhur dan tidak berpura-pura. Bagi mencapai matlamat ini perlunya sesebuah rumahtangga itu berasaskan ketaqwaan, rasa saling menghormati dan melindungi antara satu sama lain serta pergaulan yang baik di antara suami isteri dalam mengendalikan sesebuah rumahtangga. Justeru, antara matlamat dan tujuan perkahwinan Islam ialah (Asiah, 1999) :

1.4.1 Untuk mendapat keredhaan Allah S.W.T di samping meramaikan zuriat, menjaga maruah, memperdekatkan saudara yang jauh, mengharmonikan masyarakat dan menjadi individu yang lebih bertanggungjawab.

1.4.2 Untuk membentuk sebuah keluarga yang harmoni, berkasih sayang dan tololong di antara satu sama lain. Rumahtangga sebegini akan menjadi asas kukuh kepada pembentukan sebuah masyarakat yang baik dan gemilang. Sebagaimana firman Allah S.W.T menjelaskan:

وَاللَّهُ جَعَلَ لَكُم مِّنْ يُبُوتِكُمْ سَكَنًا وَجَعَلَ لَكُم مِّنْ جُلُودِ الْأَنْعَامِ بُيُوتًا تَسْتَخِفْوَهَا يَوْمَ ظَعْنَكُمْ وَيَوْمَ إِقَامَتِكُمْ ۝ وَمِنْ أَصْوَافِهَا وَأَوْبَارِهَا وَأَشْعَارِهَا أَتَانَا وَمَتَاعًا إِلَى حِينٍ

*Terjemahan : "Dan Allah menjadikan bagimu rumah-rumahmu sebagai tempat rehat dan Dia menjadikan bagi kamu rumah-rumah (khemah-khemah) dari kulit binatang ternak yang kamu berasa ringan (membawa)nya di waktu kamu berjalan dan waktu kamu bermukim dan*



*(dijadikan-Nya pula) dari bulu domba, bulu unta dan bulu kambing, alat-alat rumah tangga dan perhiasan (yang kamu pakai) sampai waktu (tertentu).*"

Surah al-Nahl (16) : 80

1.4.3 Menambahkan lagi kekuatan rohani dan pengabadian diri kepada Allah S.W.T dengan mendatangkan khusuk dalam beribadah. Menerusi perkahwinan ianya dapat mententeramkan perasaan berahi yang membara dalam jiwa manusia, selain mendamaikan kerunsingan jiwa yang ada kerana permasalahan hidup dapat dikongsi bersama dengan pasangan masing-masing.

1.4.4 Mengamalkan sunnah dan syari'at Islam yang dibawa oleh nabi Muhammad SAW serta dapat membina masyarakat manusia selaras dengan naluri semulajadi manusia. Sabda Rasulullah SAW (al-Hathainiy, t.t) :

مَنْ رَغِبَ عَنْ سُنْنَتِي فَلَيْسَ مِنِّي وَ أَنَّ مِنْ سُنْنَتِي النِّكَاحُ فَمَنْ أَحَبَّنِي فَلَيْسَتْنَ بِسُنْنَتِي

*Terjemahan : "Orang yang tidak menyukai sunnahku, bukanlah termasuk umatku dan salah satu sunnahku ialah perkahwinan. Maka barangsiapa menyintaku hendaklah melakukan sunnahku."*

## 1.5 Hikmah Perkahwinan

1.5.1 Memelihara keturunan dan menjamin berkembang serta berkekalan zuriat umat manusia yang beriman mengikut landasan yang betul (Rozumah & Rumaya, 2002).

Pengekalan kehidupan manusia dan kebudayaan serta penerusan peranan manusia sebagai khalifah Allah di muka bumi ini bergantung kepada pembiakan manusia (al-Zuhaili, 1989). Demikian itu, segala sesuatu yang berkaitan dengan proses pembiakan memerlukan kepada kestabilan struktur dan sistem bagi menjamin proses tersebut terus berjalan lancar, baik dan sempurna. Justeru manusia memerlukan satu institusi yang tetap dan berkekalan untuk memenuhi tujuan tersebut secara global. Maka hanya sistem kekeluargaan ini yang mampu mengendalikan urusan tersebut dengan mantap, selamat dan lebih tersusun. Melalui perkahwinan yang sah juga diharapkan dapat memperoleh keturunan yang sah dalam

masyarakat sehingga kelangsungan hidup dalam keluarga dan keturunannya dapat berkembang terus secara jelas dan bersih.

1.5.2 Memenuhi tuntutan hawa nafsu mengikut jalan yang diredhai Allah S.W.T sekaligus menyelamatkan manusia daripada kejahanan nafsu syahwat (al-Bardisi, 1975) dan memelihara manusia dari perkara yang haram (al-Zuhaili, 1989).

Jalan perkahwinan adalah saluran yang sah untuk manusia memenuhi tuntutan naluri seksual mereka. Sekiranya tidak ada saluran yang sah, pastinya manusia banyak melakukan perbuatan yang tidak baik dalam masyarakat seperti penzinaan. Implikasinya dapat dilihat terhadap masyarakat sendiri bila mana lahirnya zuriat hasil hubungan luar nikah. Jelas sekali perkahwinan adalah peraturan Allah SWT untuk menyekat pergaulan bebas di antara lelaki dan perempuan yang boleh membawa kepada perbuatan zina.

1.5.3 Mewujudkan satu ikatan kekeluargaan yang kukuh, mantap dan berkekalan berasaskan kasih sayang dan kerahmatan Allah S.W.T (Abdul Jalil, 1982).

Institusi keluarga merupakan struktur asas bagi keseluruhan sistem sosial yang mana memainkan peranan penting sebagai pusat mengembangkan kasih sayang, kebaikan, perlindungan, kehormatan, saling mempercayai antara satu sama lain, pengorbanan, perkongsian dan sebagainya. Semua perkara ini hendaklah berlandaskan kepada kekuatan-kekuatan rohani. Hal ini berlandaskan Firman Allah SWT dalam surah al-Rum ayat 30 :

*"Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaanNya dan rahmatNya bahawa Ia menciptakan untuk kamu (Wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya. Dan dijadikanNya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir".*

Surah al-Rum (30) : 21

Justeru peranan institusi keluarga ini sebagai unit kecil dalam masyarakat tidak sekadar terkait dengan pusingan ahli keluarga semata-mata bahkan berperanan penting sebagai pemangkin masa depan negara dengan terbentuknya anak-anak yang akan mewarnai kepimpinan seterusnya menjana perkembangan peradaban bangsa, agama dan negara. Oleh

itu Allah SWT mendorong supaya umat Islam saling memelihara ahli keluarga melalui didikan agama yang kukuh untuk menghindari mereka dari terjerumus ke lembah kebinasaan (neraka jahanam).

1.5.4 Mewujudkan dan melaksanakan satu sistem pengurusan tanggungjawab serta kaedah berinteraksi di dalam keluarga dan masyarakat, melalui kerjasama yang boleh menguatkan hubungan kekeluargaan dan masyarakat (Fadhilah, 2001).

Alam perkahwinan akan mampu meningkatkan rasa tanggungjawab dan sikap berusaha di kalangan kaum lelaki dan wanita. Sebagai contoh kaum lelaki akan berusaha bersungguh-sungguh untuk memperbaiki kedudukan ekonomi mereka bagi tujuan memenuhi hak dan keperluan orang yang berada di bawah tanggungan. Setiap pasangan akan sentiasa besedia menghadapi cabaran dan tanggungjawab secara lebih telus. Selain itu, seseorang yang berkahwin dapat bermujahadah dan melatih dirinya dengan menjalankan pentadbiran dan pengurusan, menjaga dan menjalankan tanggungjawab terhadap ahli keluarganya. Jelas institusi kekeluargaan dalam Islam berfungsi memperluaskan ikatan kekeluargaan di kalangan umat manusia.

## **2. GOLONGAN HARAM DIKAHWINI DALAM ISLAM**

Asasnya semua wanita tanpa mengira keturunan adalah sah untuk dikahwini. Sungguhpun begitu, agama Islam tidak membiarkan kaum lelaki untuk mengahwini sesiapa sahaja tanpa mengenali siapakah wanita yang akan menjadi bakal isterinya. Batas ini diwujudkan untuk mengelakkan daripada perbuatan sambal lewa sehingga tidak mengenali dengan lebih dekat sama ada wanita tersebut dari kalangan kerabat terdekat atau wanita musyrik.

Tidak semua wanita boleh dikahwini malahan disyariatkan wanita yang hendak dikahwini itu mestilah tidak haram untuk dikahwini samada haram selamanya atau haram sementara waktu sahaja. Haram selamanya bermaksud wanita tersebut haram dikahwini selamanya dan pada bila-bila masa. Manakala haram sementara waktu bermaksud wanita tersebut boleh dikahwini sekiranya keadaan yang menghalang seseorang wanita itu telah berubah (Som & Abdul Basir, 2006).

## **2.1 Pengharaman Berkahwin Sementara Waktu**

Berhubung dengan larangan perkahwinan sementara waktu, al-Sayyid Sabiq telah meringkaskannya sebagaimana berikut :

- 2.1.1** Menghimpunkan dua orang perempuan bersaudara dalam satu masa.
- 2.1.2** Wanita yang sedang dalam iddah, samada iddah cerai atau iddah kematian suami.  
Namun pengharaman ini akan luput setelah mana iddah wanita tersebut berakhir.
- 2.1.3** Wanita musyrik iaitu wanita yang menyembah selain Allah (Abdurrahman, 2003) kecuali setelah dia memeluk Islam (Sabiq, 1987).
- 2.1.4** Wanita yang diceraikan dengan talak tiga, haram baginya untuk berkahwin lagi dengan bekas suaminya, kecuali apabila wanita tersebut sudah berkahwin dengan orang lain secara alami.

Demikianlah antara wanita yang haram dikahwini untuk sementara waktu. Pengharaman tersebut akan berubah menjadi halal sekiranya keadaan wanita itu berubah.


## **2.2 Pengharaman Berkahwin Selama-Lamanya**

Kesepakatan Ulama' akan sebab-sebab yang boleh menghalang perkahwinan untuk selama-lamanya ialah keturunan (nasab), persemedaan (musaharah) dan susuan (radha'ah).

### **2.2.1 Larangan kerana Keturunan (Nasab)**

Larangan perkahwinan dengan sebab keturunan adalah jelas sebagaimana yang terkandung dalam al-Quran. Firman Allah dalam surah al-nisa' ayat 23 yang bermaksud :

*"Diharamkan atas kamu (menikahi) ibu-ibumu, anak-anakmu yang perempuan, saudara-saudaramu yang perempuan, saudara-saudara ayahmu yang perempuan, saudara-saudara ibumu yang perempuan, anak-anak perempuan dari saudara-saudaramu yang laki-laki, anak-anak perempuan dari saudara-saudaramu yang perempuan, ibu-ibumu yang menyusui kamu, saudara-saudara perempuanmu*



*sesusan, ibu-ibu istimu (mertua), anak-anak perempuan dari istimu (anak tiri) yang dalam pemeliharaanmu dari istri yang telah kamu campuri, tetapi jika kamu belum campur dengan istimu itu (dan sudah kamu ceraikan), maka tidak berdosa kamu (menikahinya), (dan diharamkan bagimu) istri-istri anak kandungmu (menantu), dan (diharamkan) mengumpulkan (dalam pernikahan) dua perempuan yang bersaudara, kecuali yang telah terjadi pada masa lampau. Sungguh, Allah Maha Pengampun, Maha Penyayang.”*


Ayat ini jelas menunjukkan bahawa perempuan-perempuan yang tidak boleh dikahwini buat selamanya dengan sebab keturunan ialah :

- i. Ibu, nenek sebelah ibu dan nenek sebelah bapa. Golongan ini diistilahkan sebagai usul manusia (kerana dianggap sebagai asal kepada seseorang manusia).
- ii. Anak perempuan, cucu perempuan dari anak lelaki dan cucu perempuan dari anak perempuan. Golongan ini diistilahkan sebagai furu' manusia (kerana dianggap sebagai cabang kepada keturunan manusia).
- iii. Adik beradik perempuan seibu seapa atau seapa atau seibu. Golongan ini diistilahkan sebagai furu' ibu bapa (kerana mereka dianggap sebagai cabang dari ibu bapa).
- iv. Anak perempuan kepada adik beradik lelaki yang seibu seapa, atau seapa atau seibu.
- v. Ibu saudara sebelah bapa iaitu adik beradik perempuan kepada bapa. Begitu juga ibu saudara sebelah bapa seapa dan ibu saudara sebelah bapa seibu. Golongan ini diistilahkan sebagai furu' datuk dan nenek sebelah bapa.
- vi. Ibu saudara sebelah ibu iaitu adik beradik perempuan kepada ibu. Begitu juga ibu saudara sebelah ibu seibu dan ibu saudara sebelah ibu seapa. Golongan ini diistilahkan sebagai furu' datuk dan nenek sebelah ibu.

### 2.2.2 Larangan Kerana Persemendaan (Musaharah)

Perempuan-perempuan yang haram dikahwini dengan sebab persemendaan ialah :

- i. Anak-anak tiri yang telah disetubuhi ibunya



- ii. Ibu-ibu isteri (ibu mertua).
- iii. Isteri-isteri bapa (ibu tiri). Haram juga mengahwini isteri datuk (nenek tiri) sebelah bapa dan isteri datuk sebelah ibu. Mereka diistilahkan sebagai isteri-isteri usul manusia.
- iv. Isteri-isteri anak (menantu), isteri cucu lelaki sebelah anak lelaki dan isteri cucu lelaki sebelah anak perempuan. Begitulah isteri furu' yang lain.

Larangan untuk golongan ini adalah bersandarkan kepada Firman Allah yang sama seperti mana larangan secara keturunan iaitu surah al-Nisa' ayat 23.

### **2.2.3 Larangan Kerana Susuan (Radha'ah)**

Ulama bersepakat mengatakan bahawa perempuan yang haram dikahwini dengan sebab ada hubungan keturunan (nasab), maka mereka juga adalah haram dikahwini dengan sebab ada hubungan susuan. Ini berdasarkan hadis Rasulullah SAW yang bermaksud, "*Haram dengan sebab susuan sebagaimana haram dengan sebab nasab keturunan*" (al-Kahlani, 1960).

Perempuan yang haram dikahwini dengan sebab susuan hanya dua orang iaitu :

- i. Ibu susuan, iaitu ibu yang telah menyusukan. Turut diharamkan ialah ibu kepada ibu (nenek) susuan, nenek kepada ibu susuan sebelah ibu dan nenek kepada ibu susuan sebelah bapa.
- ii. Adik beradik perempuan susuan.

Adapun menjadi perselisihan di kalangan Ulama' mengenai cara penyusuan yang membawa kepada pengharaman perkahwinan itu. Mazhab Syafi'i dan Hanbali mengatakan bahawa pengharaman berlaku jika penyusuan itu melebihi lima kali yang mengenyangkan. Manakala mazhab Hanafi dan Maliki pula tidak menentukan kadar penyusuan itu. Mereka berpendapat adalah haram berkahwin sesama saudara sesusuan walaupun penyusuan itu hanya setitik sahaja (Som & Abdul Basir, 2006).

### **3. HUKUM PERKAHWINAN DALAM ISLAM**

Perkahwinan hukumnya sunat menurut kebanyakan (jumhur) ulama'. Islam telah membahagikan hukum perkahwinan kepada lima bahagian (Sabiq, 1987) iaitu harus, wajib, sunat, makruh dan haram. Manakala sebahagian lagi mengatakan sunat, sebahagian lain mengatakan harus dan segolongan pula mengatakan wajib. Bagi mereka, pertimbangan yang diambil kira ialah kebimbangan terjerumus kepada perzinaan (al-Qurtubiy,1996) Pembahagian hukum perkahwinan menurut jumhur ulama' diuraikan seperti berikut:

#### **3.1    Harus**

Harus pada Syara' iaitu tidak mendatangkan dosa mahupun pahala jika seseorang itu tidak berkahwin. Ini adalah hukum asal pernikahan (Asiah, 1999) Begitu juga harus berkahwin bagi mereka yang tidak ada halangan untuk berkahwin dan tidak ada pula sesuatu perkara yang mendorongnya untuk berkahwin (Pusat Penyelidikan Islam, 1994) Imam Hanafi pula menambah, jika tiada padanya syahwat atau ada padanya syahwat namun sudah tua atau sakit dan sebagainya maka di situ ada dua pendapat iaitu, digalakkan berkahwin dan kedua beribadah adalah lebih baik baginya (Sulaiman, 1999).

#### **3.2    Sunat**

Terpakai hukum sunat jika seseorang lelaki berkemampuan (zahir dan batin), mempunyai keinginan (nafsu syahwat) tetapi masih dapat mengawalnya dan menjaga diri jika tidak berkahwin. Jika lelaki ahli ibadat disunatkan berkahwin demi mengawal agama, keturunan dan mencari kebaikan. Menurut Imam Hanafi pula adalah lebih afdal berkahwin daripada amalan ibadah sekiranya ada padanya syahwat yang dikhawatir menjerumuskan dirinya kepada bahaya zina (Sulaiman, 1999).

### **3.3 Wajib<sup>1</sup>**

Wajib apabila seseorang lelaki telah berkemampuan dan mempunyai keinginan (nafsu syahwat) yang tidak boleh dikawal. Sekiranya tidak berkahwin dibimbangi ia akan melakukan zina (Ibn Hanbal, t.t) dan terjerumus kepada kebinasaan. Menurut pendapat jumhur ahli zahir (yang berpegang pada zahir hadith) nikah adalah Wajib. Manakala para ulama' yang terkemudian (*Muta'akhirin*) daripada golongan Maliki berpendapat ia adalah sebagai 'hak'. Segolongan pula mengatakan bahawa hak itu sebagai Wajib.

### **3.4 Makruh**

Terpakai hukum makruh jika seseorang itu mempunyai keinginan (nafsu syahwat) tetapi tidak berkemampuan dari segi kewangan. Begitu juga hukum makruh berkahwin jika seseorang itu takut atau khuatir akan menzalimi bakal isteri dalam pergaulan domestik rumah tangga itu ('Umar, 1961). Tambahan Imam Syafi'e pula, turut dikira makruh sekiranya tidak berhajat untuk berkahwin atas faktor sakit, tidak berkemampuan dari segi nafkah, mahar dan sebagainya (al-Khin, 1992).

### **3.5 Haram**

Haram berkahwin bagi orang yang berkeyakinan tidak akan dapat melaksanakan kewajipan sebagai seorang suami. Ini kerana sekiranya ia berkahwin sudah pasti ia akan melakukan kezaliman kepada isterinya. Misalnya seorang lelaki mengahwini wanita untuk dijadikan pelacur bagi mendapatkan sumber kewangan ('Umar, 1961).

Berdasarkan kepadauraian tersebut maka sewajarnya ia menjadi pedoman kepada setiap individu muslim sama ada yang belum berkahwin ataupun sudah untuk memikirkan dan

---

<sup>1</sup> Di dalam keadaan-keadaan tertentu hukum berkahwin boleh dianggap sebagai suatu kewajipan yang mesti dilakukan. Dalam istilah sesetengah fuqaha' menganggap apa-apa yang dituntut oleh syara' terhadap orang-orang mukallaf melakukannya dengan cara termesti dinamakan wajib atau fardhu tanpa membezakan kedua-duanya melainkan dalam ibadat Haji. Wajib dan Fardhu ialah perkara yang mesti dilakukan. Bagi mazhab Hanafi sebagai perbezaan hukum fardhu dan wajib ialah sekiranya seseorang itu takut jatuh berzina kalau tidak kahwin maka hukumnya menjadi wajib, tetapi sekiranya yakin berzina sedangkan sudah berkemampuan hukumnya adalah fardhu. Sila Rujuk Abdul Jalil Mohd. Hassan. (1993). *Perkahwinan Dalam Islam Berdasarkan Kepada Dalil, Hukum, Hikmat dan panduan Kebahagiaan*. A.S Noordeen. hal. 26

membetulkan hasrat dan matlamat perkahwinan supaya dapat menepati garisan yang telah ditetapkan oleh Islam.

#### 4. DASAR PEMILIHAN JODOH


Pastinya setiap orang mempunyai pilihan masing-masing dalam menentukan pasangan hidup mereka. Tarikan utama lazimnya tertumpu pada aspek fizikal seperti kecantikan paras rupa, penampilan menarik, budi pekerti yang baik dan lain-lain lagi ketrampilan serta personaliti individu. Namun demikian, dalam keghairahan mencari pasangan, terdapat kriteria penting yang menjadi tunjang sesebuah perkahwinan iaitu agama. Hal ini bersandarkan kepada hadis Nabi SAW :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ - رضى الله عنه - عَنِ النَّبِيِّ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - قَالَ: تُنكحُ الْمَرْأَةَ لِأَرْبَعٍ لِمَا لَهَا  
وَلِحَسَنِهَا وَجَاهَتْهَا وَلِدِينِهَا، فَأَظْفَرْ بِذَاتِ الدِّينِ تَرِثَتْ يَدَكَ

*Terjemahan : "Dari Abu Hurairah ra. Dari Nabi Muhammad SAW. telah berkata: Wanita umumnya dinikahi karena 4 (empat) hal: hartanya, nasabnya, kecantikannya, dan agamanya. Karena itu, pilihlah yang memiliki agama, kalian akan beruntung."*

Semua umat Islam mengakui bahawa ciri agama adalah asas penting dalam pemilihan pasangan. Bagaimanapun dari sudut pelaksanaan, mereka kurang mengambil perhatian dan seolah-olah mengabaikan asas tersebut. Hal ini mungkin kerana dipengaruhi atau dikaburi dengan asas lain yang merupakan asas sampingan seperti asas material iaitu kekayaan, pangkat, keturunan dan sebagainya.

Pemilihan berdasarkan parameter agama bukanlah bermaksud tidak memberikan peluang sedikitpun pada kriteria lain untuk menjadi pertimbangan. Namun ianya datang dengan harapan bahawa aspek agama dan kemuliaan akhlak ini dapat menjadi asbab kepada kebertanggungjawaban pasangan sebagai ketua keluarga dengan sebaik-baiknya, di samping peranan mereka untuk memelihara hak dan kehormatan ahli keluarga, mendidik isteri dan anak serta menafkahi mereka sewajarnya.



Adapun demikian, antara ciri-ciri pemilihan pasangan yang boleh diikuti yang mana selari dengan panduan syariat sebagaimana berikut (Wan Norina et.al, 2019) bagi calon isteri dan lelaki:

**Jadual 4.1 : Ciri Pemilihan Bakal Isteri**

Bil	Kriteria	Justifikasi
1.	Perempuan yang taat agama.	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Menyejukkan hati</li> <li>- Beroleh keberkatan dalam perkahwinan.</li> <li>- Boleh memberikan peringatan dan selok belok agama</li> </ul>
2.	Masih gadis	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Mudah bergurau senda</li> <li>- Bersifat manja</li> <li>- Masih dara</li> </ul>
3.	Keturunan yang ramai anak	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Mendapatkan zuriat meramaikan umat Nabi Muhammad</li> <li>- Memperkuatkan kekuatan Islam dalam segenap aspek</li> <li>- Membesarkan saiz keluarga.</li> </ul>
4.	Keturunan yang baik	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Mendapat zuriat yang baik</li> <li>- Ketenangan jiwa dan perasaan</li> </ul>
5.	Tidak daripada keluarga yang dekat	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Mengelakkan kerenggangan persaudaraan jika berlaku perceraian</li> </ul>
6.	Mempunyai paras rupa yang menyenangkan	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Menyenangkan mata</li> </ul>

**Jadual 4.2 : Ciri Pemilihan Bakal Suami**

Bil	Kriteria	Justifikasi
1.	Taat agama, berakhlaq mulia & bertanggungjawab	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Mampu mentadbir rumah tangga dengan baik.</li> </ul>
2.	Bebas dari penyakit berat	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Mampu untuk menguruskan nafkah keluarga.</li> <li>- Tidak menimbulkan masalah akan dating sekiranya penyakit kronik seperti gila, kusta, lemah syahwat.</li> </ul>
3.	Tidak daripada keluarga yang dekat	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Mengelakkan kerenggangan persaudaraan jika berlaku perceraian</li> </ul>
4.	Lelaki yang setaraf / Sekufu	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Menjaga keselamatan, menambah kasih sayang &amp; kerukunan rumah tangga yang akan dibina.</li> </ul>

## 5. PEMINANGAN (AL-KHITBAH)

### 5.1 Konsep dan Hukum Peminangan

Pertunangan dalam Bahasa arab dipanggil sebagai al-Khitbah, yang membawa maksud hasrat ingin berkahwin daripada seorang lelaki terhadap seorang perempuan mengikut syarak. Proses ini lebih kepada suatu ikatan janji untuk menjadi suami isteri (berkahwin) (Wan Norina et.al, 2019) bila mana kedua-dua pihak memeterai persetujuan dalam rangka membina rumah tangga menjadi suami isteri (al-Bakri, 2021).

Praktis amalan semasa, peringkat pra perkahwinan yang dimulai dengan merisik dan meminang ini sudah dimulai sejak dahulu lagi. Peringkat ini bagi membolehkan pasangan lelaki melihat bakal isterinya selain ianya sebagai proses mengenal akhlak dan sifat pasangan sebelum diadakan akad nikah. Selain itu juga, ianya dapat membantu dalam menguatkan hubungan cinta serta mempersiapkan diri masing-masing sebelum berkahwin. Dalam sebuah hadis, Rasulullah SAW bersabda kepada sahabat yang ingin bertunang:

اَنْظُرْ إِلَيْهَا فَإِنَّهُ أَحَدَى أَنْ يُؤْدَمْ بَيْنَكُمَا<sup>2</sup>

*Terjemahan: "Lihatlah perempuan itu dahulu kerana ia akan lebih mengekalkan kasih sayang antara kamu berdua."*

Begitu juga hadith dalam sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Sahal bin Sa'd R.A, katanya:

أَنَّ امْرَأَةً جَاءَتْ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَتْ يَا رَسُولَ اللَّهِ حَتْ لَأْهَبَ لَكَ نَفْسِي فَنَظَرَ إِلَيْهَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَصَعَدَ النَّظَرُ إِلَيْهَا وَصَوَّبَهُمْ طَاطِأً رَأْسَهُ<sup>3</sup>

<sup>2</sup> Riwayat al-Tirmizi (1087). Jami Al Tirmizi 5: Chapter 248, Hadith 1087

<sup>3</sup> Riwayat al-Bukhari (4833)

*Terjemahan: "Seorang menemui Rasulullah SAW, lalu berkata: Wahai Rasulullah, aku datang menyerahkan diriku kepadamu! Lalu Rasulullah SAW memerhatikan perempuan itu ke atas dan ke bawah dan kemudian Baginda menundukkan kepalanya."*

Asasnya keizinan untuk melihat bakal isteri adalah dibolehkan dalam Islam. Bahkan keizinan ini tidaklah terbatas kepada lelaki sahaja, malahan ianya terpakai ke atas perempuan. Namun dalam beberapa situasi, terdapat beberapa hukum peminangan yang berbeza sebagaimana dinyatakan dalam jadual 7.1(Wan Norina et.al, 2019):

**Jadual 5.1 : Hukum Meminang Beserta Penerangan**

Bil	Hukum	Kategori
1.	Harus dipinang dengan perkataan sorih (terang) atau kinayah (sindiran)	- Anak gadis
2.	Haram dipinang dengan perkataan sorih (terang) atau kinayah (sindiran)	- Janda yang diceraikan talak raj'l dan masih dalam iddah
3.	Harus dipinang dengan perkataan kinayah (sindiran) dan haram sekiranya dilakukan pinangan secara sorih (terang)	- Janda yang diceraikan sekiranya dengan talak tiga atau cerai mati
4.	Harus dipinang secara sorih (terang) dan kinayah (sindiran)	- Janda yang diceraikan dan telah tamat iddahnya

## 5.2 Batas Had Yang Boleh Dilihat Untuk Pertunangan

Dalam Islam, seorang lelaki dibolehkan untuk melihat dan mengenali wanita yang akan menjadi bakal isterinya sesuai dengan ketetapan hukum syarak. Adapun demikian, ianya tertakluk kepada bahagian-bahagian tertentu mengikut perbahasan Ulama'. Kesepakatan jumhur Ulama' menetapkan bahagian yang harus dilihat pada diri seseorang perempuan ialah muka dan kedua tangan (iaitu tapak tangan dan belakangnya) sahaja. Ini kerana, dengan melihat muka, dapat memastikan tentang kejelitaannya disamping melihat kepada dua tangan pula dapat memastikan tentang kesuburan badannya (al-Jamal, 1988).

## 5.3 Beberapa Peraturan Lain Berkaitan Dengan Pertunangan

Praktis semasa istiadat peminangan di negara kita kebiasaannya dilakukan oleh orang-orang tua seperti ibu bapa atau wakil pihak lelaki yang dipersetujui. Namun perkara penting

sebelum melaksanakan tugas ini, pentingnya untuk mengetahui terlebih dahulu tentang kedudukan perempuan yang akan dipinang, terutamanya melibatkan sifat perempuan yang akan dipinang (Mat Saad, 2006).

Ulama' mengkelaskan perempuan yang harus dipinang mestilah :

- i. Bukan isteri orang
- ii. Bukan muhrim lelaki itu sendiri
- iii. Bukan berada dalam masa 'iddah
- iv. Bukan tunangan orang

Setiap daripada kelompok yang dinyatakan ini memiliki justifikasi dan implikasi hukum tersendiri sekiranya penetapan ini tidak dipatuhi. Seperti mana perbuatan meminang seorang perempuan yang telah dipinang oleh orang lain adalah dilarang oleh syarak dan dihukumkan haram sekiranya pihak perempuan telah menerima pinangan sebelumnya. Ini bersandarkan hadis nabi SAW iaitu :

عَنْ أَبْنَىْ عُمَرَ رَضِيَّ اللَّهُ صَلَّىْ عَلَيْهِ وَاٰلِهِ وَسَلَّمَ قَالَ لَا يَخْطُبُ الرِّجُلُ عَلَىٰ حِطْبَةِ أَحِيهِ حَتَّىٰ يَرُكَ الْحَاطِبَ قَبْلَهُ أَوْ يَأْذَنَ لَهُ الْحَاطِبُ<sup>4</sup>

*Terjemahan : "Dan dari Ibnu Umar RA sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda, "Tidak boleh seseorang meminang atas pinangan saudaranya sehingga peminang sebelumnya itu meninggalkan atau memberi izin kepadanya."*

Begitu juga dengan meminang seorang perempuan yang sedang menjalani 'iddah, samada 'iddah wafat atau 'iddah talaq. Namun, menurut sebahagian Ulama', harus meminang seorang perempuan yang di dalam 'iddah bain secara tidak langsung (bukan secara terangan) dengan menggunakan ucapan yang baik. Maka justeru itu melakukan pinangan secara terangan atau menyebutkan sesuatu yang tidak elok semasa bercakap dengan perempuan yang ber'iddah adalah tidak harus.

---

<sup>4</sup> Al-Jufi, Muhammad bin Ismail Abu Abdullah al-Bukhari. (1422). *Al-Jami' Al-Musnad Al-Shahih Al-Mukhtashar Min Umuri Rasulillah SAW, Wa Sunanihi Wa Ayyamihi (Shahih Bukhari)*. Dar Thauqi al-Najah.

## **6. RUKUN NIKAH**

Suatu pernikahan hanyalah sah apabila pengantin menyempurnakan rukun nikah serta syarat sah nikah. Seperti yang dipersetujui oleh jumhur ulama, rukun nikah terdiri daripada 5 perkara asas iaitu (Mustofa et al,2005) :

1. Pengantin Lelaki (Suami)
2. Pengantin Perempuan (Isteri)
3. Wali
4. Dua (2) orang saksi
5. Ijab dan Kabul

Kelima-lima rukun nikah ini pula perlulah menepati syarat-syarat sah nikah yang mana setiapnya mengandungi kriteria yang perlu ditepati agar nikah yang dilaksanakan itu sah di sisi syarak (Mohamad Som et.al, 2006).

### **6.1 Syarat Rukun Nikah**

#### **6.1.1 Syarat Bagi Bakal Suami**

Calon suami hendaklah menepati syarat-syarat berikut :

1. Beragama Islam.
2. Tertentu orangnya.
3. Tidak mempunyai empat orang isteri (termasuk jika telah bercerai tetap masih dalam idah).
4. Tiada halangan untuk berkahwin dengan perempuan yang hendak dinikahi menurut hukum syarak.
5. Tidak dalam ihram haji atau umrah.
6. Sah kelelawarnya.
7. Kahwin secara sukarela tanpa paksaan menurut hukum syarak.

### **6.1.2 Syarat Bagi Bakal Isteri**

Calon isteri pula hendaklah mempunyai syarat-syarat berikut (Mohamad Som et al,2006):

1. Beragama Islam. Ini berpadanan dengan sabda Baginda Rasulullah SAW bersabda:

*“Seorang wanita dikahwini krana empat perkara; kerana harta, kecantikannya, akhlak dan agamanya. Kahwinilah seorang wanita itu kerana agamanya kerana engkau akan dapat memperoleh ketenteraman”*

(Riwayat Al Bukhari)

2. Tertentu orangnya.
3. Sah kewanitaannnya.
4. Bukan isteri orang atau dalam idah suami terdahulu.
5. Tidak dalam ihram haji atau umrah

### **6.1.3 Syarat Bagi Wali**

1. Beragama Islam. Ini berpadanan dengan firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Dan orang yang beriman, lelaki dan perempuan sesetengah mereka menjadi wali kepada yang lain”*

(Surah at Taubah: 71)

2. Lelaki.
3. Baligh.
4. Sukarela tanpa paksaan.
5. Tiada dalam ihram haji atau umrah.
6. Tidak ditahan daripada menguruskan hartanya kerana muflis.
7. Sempurna akal.
8. Adil. Saranan ini sebagaimana sabda Rasulullah SAW:

لَا نِكَاحٌ إِلَّا بِوَليٍّ، وَشَاهِدَيْ عَدْلٍ<sup>5</sup>

*Terjemahan : “Tidak sah nikah kecuali dengan keberadaan wali dan dua saksi yang adil”*

Dalam hierarki wali pula, boleh dibahagikan kepada Wali nasab dan Wali hakim. Wali nasab adalah kalangan mereka yang mempunyai hubungan darah dengan perempuan yang akan

<sup>5</sup> HR. 'Abdurrazzaq (VII/215), dan dishahihkan oleh Syaikh al-Albani dalam al-Irwaa' (no. 1858).

dikahwinkan, yang mana terdiri dari kelompok bahagian wali mujbir, wali aqrab dan wali ab'ad. Huraian dapat dilihat sebagaimana berikut :

- a) **Wali mujbir**: Wali dari bapa sendiri atau datuk sebelah bapa (bapa kepada bapa) yang mempunyai kuasa mewalikan perkahwinan anak perempuannya atau cucu perempuannya dengan persetujuannya atau tidak (sebaiknya perlu mendapatkan kerelaan bakal isteri yang hendak dikahwinkan) (Mohamad Som et al, 2006).
- b) **Wali aqrab**: Wali terdekat mengikut susunan yang layak dan berhak menjadi wali.
- c) **Wali ab'ad**: Wali yang jauh sedikit mengikut susunan yang layak menjadi wali, jika ketiadaan wali aqrab berkenaan. Wali ab'ad ini akan berpindah kepada wali ab'ad lain seterusnya mengikut susunan tersebut jika tiada yang terdekat lagi.
- d) **Wali raja/hakim**: Wali yang diberi kuasa atau ditauliahkan oleh pemerintah atau pihak berkuasa negeri kepada orang yang telah dilantik menjalankan tugas ini dengan sebab-sebab tertentu. Sabda Rasulullah SAW:

لَا نِكَاحٌ إِلَّا بِوَالِيٍّ، وَالسُّلْطَانُ فِي مَنْ لَا وَالِيَّ لَهُ<sup>6</sup>

Terjemahan : “Tidak sah nikah kecuali dengan keberadaan wali, dan penguasa adalah wali bagi siapa (wanita) yang tidak mempunyai wali”.

Namun dalam menentukan susunan wali, perlu lah mematuhi senarai yang ditetapkan bagi sesebuah pernikahan mengikut susunan keutamaan (tertib) sebagaimana berikut:

1. Bapa.
2. Datuk dan ke atas.
3. Saudara lelaku seibu sebapa (adik beradik).
4. Saudara lelaki sebapa (adik beradik).
5. Anak lelaki daripada saudara lelaku seibu sebapa (anak saudara).
6. Anak lelaki daripada saudara lelaki sebapa dan ke bawah (anak saudara).
7. Saudara lelaki bapa seibu sebapa (bapa saudara).

<sup>6</sup> HR. At-Tirmidzi (no. 1102) kitab an-Nikaah, Abu Dawud (no. 2083) kitab an-Nikaah, Ibnu Majah (no. 1881) kitab an-Nikaah

8. Saudara lelaki bapa sebapa (bapa saudara).
9. Anak lelaki daripada saudara lelaki bapa seibu sebapa (sepupu).
10. Anak lelaki daripada saudara lelaki bapa sebapa dan ke bawah (sepupu).
11. Saudara lelaki kepada bapa kepada bapa seibu sebapa (datuk saudara).
12. Saudara lelaki kepada bapa kepada bapa seibu sebapa (sepupu kepada bapa).
13. Anak saudara lelaki kepada bapa kepada bapa sebapa (sepupu kepada bapa).
14. Wali Hakim (sekiranya tiada wali yang tersebut di atas).

Polemik kadangkala berlaku dalam susunan wali ini bila mana terdapat pasangan yang melangkaui wali aqrab (wali dekat) sedia ada kepada wali ab'ad (wali jauh). Wali ab'ad tidak harus mengahwinkan perempuan yang diwakilinya selagi mana masih ada wali aqrab yang sempurna syarat kelayakannya. Namun sekiranya wali aqrab yang ada tidak memiliki syarat kelayakan sempurna tersebut barulah hak perwalian itu akan berpindah kepada wali ab'ad yang sempurna syaratnya (Mat Saad, 2006). Perpindahan wali aqrab kepada wali ab'ad boleh berlaku dengan sebab-sebab berikut :

- i. Kafir atau murtad
- ii. Belum baligh
- iii. Tidak sempurna akal
- iv. Fasik
- v. Kematian wali akrab
- vi. Bisu atau pekak



Manakala perpindahan kepada wali wali hakim pula boleh terjadi apabila berlaku salah satu daripada sebab-sebab berikut :

- i. Tiada wali nasab.
- ii. Wali nasab yang akrab tidak memenuhi syarat-syarat wali dan wali yang berikut atau wali ab'ad tidak ada.
- iii. Wali berada di tempat yang jauh, iaitu berada dalam dua marhalah (tidak kurang daripada 93 km) atau lebih dan tidak mewakilkan orang lain untuk mengakad nikah perempuan yang hendak berkahwin itu.

- iv. Wali yang ditahan dalam penjara dan tidak dapat dihubungi.
- v. Wali sedang dalam ihram atau umrah.
- vi. Wali enggan menikahkannya tanpa sebab yang munasabah.
- vii. Wali menyembunyikan diri kerana tidak mahu menikahkannya.
- viii. Wali sengaja menangguh-nangguhkan akad nikah tanpa sebab.
- ix. Wali hilang dan tidak diketahui tempatnya serta tidak diketahui hidup atau mati.
- x. Wali hendak berkahwin dengan perempuan yang dia sendiri menadi wali sedangkan tiada wali lain yang sedarjat dengannya.

Demikian itu memperlihatkan akan kepentingan wali itu dalam kesahan pernikahan, seperti mana keperluan wali dalam salah satu rukun pernikahan. Asas kepentingan ini turut dinyatakan dalam beberapa firman Allah SWT seperti dalam surah al-Baqarah ayat 232:

وَإِذَا طَلَقْتُمُ النِّسَاءَ فَبَلَغْنَ أَجْلَهُنَّ فَلَا تَعْضُلُوهُنَّ أَنْ يَنْكِحْنَ أَزْوَاجَهُنَّ

*Terjemahan : "Apabila kamu mentalak isteri-isterimu, lalu habis 'iddahnya, maka janganlah kamu (para wali) menghalangi mereka kawin lagi dengan bakal suaminya."*

(Al-Baqarah/2: 232)

Turut dinyatakan juga dalam surah al-Nuur ayat 32 :

وَأَنْكِحُوا الْأَيَامَى مِنْكُمْ وَالصَّالِحِينَ مِنْ عَبْدَكُمْ وَإِمَائِكُمْ

*Terjemahan : "Dan kawinkanlah orang-orang yang sendirian di antara kamu, dan orang-orang yang patut (kawin) dari hamba-hamba sahayamu yang perempuan".*

(An-Nuur/24: 32)

Selain itu juga dirakamkan dalam Sabda Rasulullah SAW:

أَئُمْمًا امْرَأَةٌ نَكَحْتُ بِعَيْرٍ إِذْنٍ وَلِتَهَا فِنْكَاحُهَا بَاطِلٌ، فِنْكَاحُهَا بَاطِلٌ، فِنْكَاحُهَا بَاطِلٌ، فَإِنْ دَخَلَ بِهَا فَلَهَا الْجَهْرُ بِمَا  
اسْتَحْلَلَ مِنْ فَرِجْهَا، وَإِنْ اشْتَجَرُوا فَالسُّلْطَانُ وَلِيُّ مَنْ لَا وَلِيَّ لَهَا<sup>7</sup>.

*Terjemahan : "Wanita manapun yang menikah tanpa seizin walinya, maka pernikahannya bathil, pernikahannya bathil, pernikahannya bathil. Jika seseorang menggaulinya, maka wanita itu berhak mendapatkan mahar, sehingga ia dihalalkan terhadap kemaluannya. Jika*

<sup>7</sup> HR. At-Tirmidzi (no. 1102) kitab an-Nikaah, dan ia mengatakan: "Hadits hasan," Abu Dawud (no. 2083) kitab an-Nikaah, Ibnu Majah (no. 1879) kitab an-Nikaah, Ahmad (no. 23851, 24798), ad-Darimi (no. 2184) kitab an-Nikaah, dan dishahih-kan oleh Syaikh al-Albani dalam Shahihih Ibni Maajah (no. 1524), Shahihih at-Tirmidzi (no. 880), dan Irwaa-ul Ghaliil (no. 1840).

*mereka terlunta-lunta (tidak mempunyai wali), maka penguasa adalah wali bagi siapa (wanita) yang tidak mempunyai wali”.*

#### **6.1.4 Syarat Bagi Saksi**

Dalam melangsungkan akad perkahwinan, selain dari kewujudan dua pengantin dan wali, dua orang saksi juga diperlukan bagi menentukan kesahan akad tersebut. Namun saksi juga tidak terlepas dari syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh syarak iaitu mengikut apa yang telah disepakati oleh Ulamak iaitu (Zuhaili, 2004) :


- i. Islam
- ii. Lelaki
- iii. Baligh
- iv. Berakal (tidak gila)
- v. Merdeka (bukan hamba)
- vi. Sekurang-kurangnya dua orang
- vii. Memahami kandungan lafaz ijab dan qabul (faham dengan bahasa yang digunakan ketika itu).
- viii. Dapat mendengar, melihat dan bercakap (tidak buta, bisu atau pekak).
- ix. Adil (Tidak melakukan dosa besar dan tidak berterusan melakukan dosa-dosa kecil).
- x. Saksi hendaklah bukan orang yang menjadi wali bagi si perempuan yang akan dinikahinya. (Contohnya, bapa saudara lelaki yang tunggal. Katalah hanya ada seorang bapa saudara yang sepatutnya menjadi wali dalam perkahwinan itu tetapi dia mewakilkan kepada orang lain untuk menjadi wali sedangkan dia hanya menjadi saksi, maka perkahwinan itu tidak sah kerana dia dikira orang tertentu yang sepatutnya menjadi wali).
- xi. Bukan dalam keadaan ihram, sama ada ihram haji atau umrah.
- xii. Kuat ingatan dan tidak pelupa.

Ini berpadanan dengan Firman Allah SWT dalam surah al-baqarah ayat 282 :

وَاسْتَشْهِدُوا شَهِيدَيْنِ مِنْ رِجَالٍ كُمْبَحْنَ

Terjemahan : “Dan hendaklah kamu mengadakan dua orang saksi lelaki dari kalangan kamu.”

(Surah al-Baqarah: 282)




### 6.1.5 Syarat Bagi Ijab & Qabul

Ijab dan Qabul kadangkala disebut sebagai sighthah. Ijab bererti pengakuan daripada pihak bakal isteri akan kesediaan dan kerelaan beliau untuk dikahwinkan dengan lelaki yang akan menjadi bakal suaminya. Qabul pula adalah pengakuan atau jawapan daripada pihak bakal suami bahawa beliau menerima wanita itu sebagai isterinya. Bagi memastikan ijab dan qabul sesuatu pernikahan itu sah, perlulah menuruti syarat-syarat berikut seperti dinyatakan dalam jadual 6.1 : (Muhd Fauzi, 2003)

**Jadual 6.1 : Syarat Ijab dan Qabul**

<b>Syarat-syarat Ijab Dan Qabul</b>		
<b>Bil</b>	<b>Syarat Ijab</b>	<b>Syarat Qabul</b>
1	Pernikahan hendaklah dengan perkataan nikah atau dengan perkataan yang sama maksudnya secara terang dan tepat. Seperti:  <i>“ankahtuka” (aku nikahkan engkau)</i> <i>atau lafaz “zawajtuka” (aku kahwinkan engkau)</i>	Lafaz Qabul (terima) hendaklah sesuai dengan lafaz ijab
2	Tidak diikatkan dengan tempoh waktu tertentu (seperti ikatan perkahwinan yang dijanjikan dan dipersetujui dalam tempoh tertentu dalam nikah kontrak/mutaah)	Hendaklah terang dan nyata, bukan kiasan.
3	Tidak secara taklik. Tiada sebutan prasyarat sewaktu ijab (lafaz akad) dilafazkan	lafazkan oleh bakal suami atau wakilnya (atas sebab-sebab tertentu)
4	Tidak boleh menggunakan perkataan kiasan dan sindiran.	Tidak diikatkan atau mengandungi perkataan yang terbatas tempoh waktunya



5	Ijab dan qabul hendaklah didengar dan difahami oleh dua saksi.	Menyebut nama bakal isteri
6	Dilafazkan oleh wali atau wakilnya  * Contoh lafaz ijab:  <i>"Daku nikahkan dikau dengan ..... binti .... (sebutkan nama pengantin perempuan) dengan mas kahwin sebanyak RM ..... tunai."</i>	Tidak secara taklik (tiada sebutan prasyarat sewaktu <u>qabul dilafazkan</u> )
7	Ijab hendaklah diikuti qabul oleh pengantin lelaki dengan segera	Tidak diselangi dengan perkataan lain.  * Contoh lafaz qabul (akan dilafazkan oleh bakal suami) :  i) <i>"Daku terima nikahnya ..... binti .... (sebutkan nama pengantin perempuan) dengan mas kahwin sebanyak RM ..... tunai."</i>  ATAU  ii) <i>"Daku terima nikahnya ..... binti .... (sebutkan nama pengantin perempuan) sebagai isteriku."</i>

## 7. WALIMATUL URUS DAN HUKUM HAKAM BERKAITAN

### 7.1 Konsep Walimatul ‘Urus

Walimah (وليمة) secara bahasa adalah perjumpaan atau perjamuan, iaitu perjumpaan untuk jamuan makan. Pada kebiasaannya jamuan dalam sebuah pesta pernikahan dikenali dengan istilah *walimah al-'urs* atau *walimatul 'urs*. Jadi, walimah adalah sinonim untuk sebutan bagi menggambarkan suatu undangan makan khususnya yang berlaku saat pernikahan (Mustofa, 2005).

Sebahagian Ulama' fiqh berpendapat walimah itu merujuk kepada sebarang acara jamuan makan untuk segala kejadian yang menggembirakan namun lebih banyak pada acara makan-makan untuk pernikahan (Al-Mughni).

Menurut *Ibnul A'robiy*, dalam konteks Bahasa, walimah adalah berkumpulnya orang-orang untuk menjamu makanan yang dihidangkan dalam suasana kegembiraan, misalnya pesta pernikahan dan majlis kesyukuran kelahiran anak. Umat Islam yang melakukan walimah wajib memperhatikan peringatan Rasulullah SAW berikut ini:

شُرُّ الطَّعَامِ طَعَامُ الْوَلِيمَةِ يُدْعَى لَهَا الْأَغْنِيَاءُ وَيُتَرَكُ الْفَقَرَاءُ

*Terjemahan : "Seburuk-buruk makanan adalah makanan walimah yang diundang padanya adalah para orang kaya dan ditinggalkan orang-orang fakirnya".*

(H.R al-Bukhari dan Muslim dari Abu Hurairah)

Hadis ini memberikan tafsiran dalam erti kata lain, ketika mana melangsungkan majlis walimah tidaklah sehingga melupakan kaum fakir-miskin.

Adapun maksud Walimatul ‘Urs (وليمة العرس) adalah merujuk kepada jamuan makan yang diselenggarakan berkenaan dengan pernikahan. ‘Urs (العرس) pula ertinya pernikahan. Istilah lain yang turut digunakan juga adalah walimatun nikah (وليمة النكاح). Hukum walimatul ‘urs pula



adalah *sunat muakkad* yang mana bertujuan untuk mengembirakan hati kedua pengantin sekaligus sebagai satu "deklarasi" atau pengumuman bahawa pasangan sudah bergelar suami isteri yang sah. Saranan mengadakan walimatul 'urs ini berpadanan dengan sabda Nabi SAW tika mana memerintahkan Abdurrohman bin 'Auf untuk menyegerakan walimah setelah menikah. Sabda Rasulullah SAW:

أَوْلُو بِشَاءٍ

*Terjemahan : "Adakan walimah meski dengan seekor kambing"*

(H.R al-Bukhari dan Muslim dari Anas bin Malik)



## 7.2 Panduan mengadakan walimatul 'urus

Amalan walimatul 'urs dalam konteks masyarakat semasa kini lebih sinonim dengan amalan bersanding. Normalisasi amalan ini kebiasaan disertai dengan jamuan makan kepada tetamu yang dijemput dan disertakan dengan upacara unik bila mana terdapat sebuah pelamin khas yang digubah bagi keberadaan pengantin ketika majlis berlangsung, dan disaksikan leh para tetamu. Namun, dalam kemeriahannya itu, tidak terlepas daripada panduan dan larangan yang harus dipatuhi. Hal ini bagi mengelakkan perkara *munkarat* yang boleh timbul dari pelaksanaan walimatul 'urs ini. Justeru beberapa larangan yang boleh diikuti dan dijadikan panduan dalam menjalankan walimatul 'urs sebagaimana diketengahkan.

**Pertama** :Tidak melakukan persandingan duduk di atas pelamin, yang diiringi bersekali dengan upacara tepung tawar dan sebagainya.

Acara ini dilihat bersamaan dengan adat agama hindu. Sebagaimana ada dinyatakan larangannya melalui firman Allah S.W.T yang bermaksud:

*"Janganlah menampakkan perhiasannya kecuali kepada suami mereka atau ayah mereka atau ayah suami mereka atau putera-putera mereka atau putera-putera suami mereka atau Saudara-saudara laki-laki mereka atau putera-putera saudara lelaki mereka atau putera-putera saudara perempuan mereka atau wanita-wanita islam atau budak- budak yang mereka miliki atau pelayan-pelayan laki-laki yang tidak mempunyai keinginan (terhadap wanita) atau anak-anak yang belum mengerti tentang aurat wanita dan janganlah mereka memukulkan kakinya agar diketahui perhiasan yang mereka sembunyikan dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah. Hai orang-orang yang beriman supaya kamu beruntung."*

(Surah An-Nur ayat 31)

Turut dirakamkan melalui Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud :

*"Setiap perempuan itu adalah aurat. Setiap kali ia keluar dari rumahnya maka syaitan akan memperhatikannya dan (syaitan) berkata: Sesungguhnya engkau tidak akan melalui seseorang melainkan akan memperdayakannya".*

(Riwayat Tirmidzi)

**Kedua:** Tidak bercampur-aduk di antara lelaki dan perempuan.

Percampuran lelaki dan perempuan boleh dilihat dalam konteks yang diharuskan dan diharamkan oleh syarak. Kategori yang diharuskan syarak adalah perhimpunan yang tidak berlaku pergeseran tubuh antara lelaki dan perempuan. Justeru adalah lebih baik sekiranya tuan rumah dapat menyediakan khemah berasingan untuk tetamu lelaki dan wanita bagi mengelakkan suasana percampuran.

**Ketiga:** Tidak bermegah-megah, bangga diri dan sebagainya.

Menurut Imam al-Ghazali, seseorang yang terjebak dengan rasa bermegah-megah adalah dikira telah melakukan syirik khafiy terhadap Allah.

**Keempat:** Tidak ada sebarang pembaziran samaada melibatkan wang ringgit, makanan, masa dan lain-lain.

Pembaziran yang dimaksudkan boleh dilihat dari pelbagai aspek yang jelas terutamanya melibatkan pasangan pengantin yang sanggup berhabis wang ringgit untuk acara persandingan, bila mana berhabisan duit untuk menyewa pakaian pengantin yang melangkaui keperluan, sewaan set pelamin yang tidak mendatangkan faedah, berlebihan dalam jamuan makanan sehingga ada yang tidak dihabiskan dan dibuang begitu sahaja, memperuntukkan masa untuk sesi penggambaran sehingga menyebabkan terabainya perkara fardu yang sepatutnya diutamakan. Larangan ini secara jelas ada dinyatakan dalam firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Janganlah kamu membazir secara melampau.”*

(Surah al-Israk ayat 26)

**Kelima:** Tidak mengungkapkan ucapan atau kata-kata yang kurang wajar atau kurang sopan dari yang menyaksikan.

Hal ini juga termasuk dengan larangan menyuruh pasangan pengantin baru untuk melakukan adegan-adegan yang tidak wajar dipertontonkan pada umum. Selain daripada menjaga maruah diri, perkara ini juga mengelakkan kata-kata nista dan umpanan umum yang boleh membuka aib. Ini bertepatan dengan sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

*“Awaslah daripada mengumpat kerana mengumpat itu lebih berdosa daripada zina. Sesungguhnya orang melakukan zina, apabila dia bertaubat, Allah akan menerima taubatnya. Dan sesungguhnya orang yang melakukan umpat tidak akan diampunkan dosanya sebelum diampun oleh orang yang diumpat”*  
(Ibnu Abib Dunya & Ibnu Hibban)

Juga boleh dilihat dalam sabda Rasulullah S.A.W. yang lain yang bermaksud :

*“Wahai orang beriman dengan lidahnya tetapi belum beriman dengan hatinya! Janganlah kamu mengumpat kaum muslim, dan janganlah kamu mengintip-intip keaibannya. Sesungguhnya, sesiapa yang mengintip keaiban saudaranya, maka Allah akan mengintip keaibannya, dan dia akan mendedahkannya, meskipun dia berada dalam rumahnya sendiri.”*  
(Hadis Riwayat Abu Daud)



**Keenam:** Tidak melakukan adegan-adegan suami isteri di hadapan umum.

Dalam zaman keterbukaan masa kini, terdapat segelintir pasangan pengantin yang tanpa segan silu melakukan adegan-adegan yang tidak patut dipertontonkan dihadap umum seperti bercium (sama ada pipi atau dahi), keterlaluan berpelukan ketika bergambar, dukung mendukung dan sebagainya. Perkara sebegini bukanlah yang dianjurkan dalam Islam, bahkan ianya seakan menyerupai apa yang menjadi normalisasi dalam agama Kristian dan Yahudi. Golongan ini kadangkalanya menganggap remeh akan perkara ini kerana berpandangan mereka bebas melakukan apa pun atas kapasiti raja sehari. Secara tidak langsung ianya menjurus kepada perbuatan yang mencemarkan maruah diri sendiri dan juga maruah sebagai Muslim.


Perlulah diingat, kemesraan suami isteri bukanlah untuk dipertontonkan malah pasangan suami isteri perlulah menjaga adab-adab dan berkelakuan sopan seperti bersifat malu, menghormati tetamu, ibubapa serta majlis dan sebagainya. Tambahan pula mereka baru sahaja mendirikan rumah tangga. Saidina Umar al-Khattab r.a berkata:

*“Barangsiapa menempatkan dirinya di tempat yang dapat menimbulkan persangkaan, maka janganlah menyesal kalau orang menyangka buruk kepadanya”.*

**Ketujuh:** Tidak keterlaluan dalam bertabarruj (solekan-solekan) dan tidak menutup aurat.

Tabarruj boleh didefinisikan sebagai :

- i) Seseorang wanita yang memperlihatkan kecantikan yang wajib ditutup kepada lelaki yang bukan mahram kepadanya.
- ii) Seseorang wanita yang menampakkan kecantikannya kepada lelaki yang bukan mahramnya dengan membuka dan mempamerkan bahagian-bahagian yang menghairahkan seperti pinggul, lengan, betis, dada, leher dan wajah.
- iii) Memperlihatkan kecantikan dan menonjolkan keelokan wajah atau tubuh badan dan mengundang fitnah terhadap kedua-duanya.



Ini sebagaimana diperkatakan oleh Imam Bukhari, yang mana tabarruj adalah mempertontonkan seseorang wanita itu akan kecantikannya. Syeikh al-Maududi pula mengatakan bahawa sekiranya tabarruj itu ditujukan kepada wanita, maka ia memiliki tiga pengertian seperti berikut:

- i. Tindakan mendedahkan kecantikan wajahnya dan bahagian-bahagian tubuhnya yang mengundang berahi kepada kaum lelaki yang bukan mahramnya.
- ii. Mendedahkan kecantikan pakaian dan perhiasannya kepada lelaki-lelaki yang bukan mahramnya.
- iii. Mendedahkan dirinya melalui cara berjalan, kegenitan dan juga kesombongannya kepada mereka.

Ini berpadanan dengan sabda Rasulullah SAW yang bermaksud :

*"Dua golongan ahli neraka yang aku belum pernah melihatnya iaitu kaum yang membawa cemeti seperti ekor lembu yang dipukul kepada manusia dan wanita yang berpakaian telanjang berjalan berlenggang-lenggok, sanggulnya seperti bonggol unta yang gila, mereka tidak akan masuk syurga, bahkan tidak akan mencium baunya, padahal bau syurga akan tercium dari jarak perjalanan sejauh sekian-sekian." Di dalam satu riwayat yang lain menyatakan," Bau syurga itu terciumsejauh lima ratus tahun perjalanan."*

(Hadis Riwayat Muslim, Kitab al-Libas wa al-Zinah, 3971)

Termasuk dalam bab ini, pengantin-pengantin perempuan haruslah menjauhikan diri dari berhias dengan perkara-perkara yang dilarang oleh Islam seperti menyambung rambut, menyambung bulu mata, maskara, mencukur atau menipiskan kening, memakai pakaian yang jarang hingga menampakkan bentuk badan, bersanggul rambut dan sebagainya. Ini selari dengan sabda Rasulullah SAW yang bermaksud :

*"Rasulullah SAW melaknat perempuan-perempuan yang mencukur alisnya atau minta dicukurkan alisnya."*

(Hadis Riwayat Abu Daud)

**Kelapan:** Tidak mengabaikan perkara-perkara fardhu seperti solat 5 waktu dan lain-lain.

Sekiranya seseorang itu meninggalkan solat atas sebab tidak sempat kerana sibuk dengan urusan keduniaan, dengan erti kata lain meninggalkannya dengan sengaja sedangkan dia tahu akan kewajiban melaksanakan solat, maka dia telah melakukan dosa besar. Kadangkala perkara ini dipandang remeh bila mana berlangsungnya majlis walimatul ‘urs dan segelintir individu yang sengaja meninggalkan solat atas alasan sibuk menguruskan majlis, atau mengutamakan urusan persandingan. Orang yang mahu agamanya selamat dan dirinya bahagia di dunia dan akhirat, sudah tentu dia wajib menghindarkan dirinya dari terletak di antara hukum melakukan dosa besar.

**Kesembilan:** Tidak melakukan perkara khurafat seperti merenjis beras kunyit atau air mawar yang kononnya membawa simbolik kehidupan dan murah rezeki.

Amalan menepung tawar sememangnya menyerupai amalan perkahwinan agama hindu. Di samping itu ia juga melibatkan unsur-unsur pembaziran. Penasihat PERKIM Cawangan Ampang yang juga merupakan Pegawai Dakwah dari Persatuan Islam Cina Malaysia menyatakan :

*“Upacara menepung tawar bukanlah budaya orang hindu semata-mata tetapi upacara menepung tawar ini adalah upacara keagamaan hindu dimana mereka meminta, memohon, berdoa kepada tuhan-tuhan hindu iaitu ganeshan, murugan, parvhati untuk memberkati pengantin.”*

Justeru amalan ini perlulah dijauhi sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud :

*“Sesiapa yang menyerupai sesuatu kaum maka dia dikalangan mereka.”*

(Hadis Riwayat Abu Dawud)

**Kesepuluh:** Tidak bersalam-salaman di antara lelaki dan perempuan yang bukan mahram.

Perlu diingatkan hubungan sepupu adalah bukan mahram, suami kepada ibu saudara kita atau isteri kepada bapa saudara juga dikira sebagai bukan mahram. Justeru perlu dielakkan

untuk bersalaman dengan mana-mana individu yang bukan mahram walaupun atas kapasiti persaudaraan.

Sebagai kesimpulan, perkara-perkara yang dilarang dalam walimatul ‘urs ini sepatutnya dijauhkan supaya majlis, dan rumah tangga yang dibina itu mendapat rahmat Allah SWT. Apalah maknanya sebuah majlis pernikahan yang asalnya bertujuan untuk menyempurnakan agama tetapi akhirnya dicemari dengan dosa-dosa sama ada yang disedari mahupun tidak, malah lebih hebat lagi ianya menyebabkan kita turut juga menanggung dosa-dosa mereka yang menghadirkan diri kerana berbuat mungkar.

Perkara-perkara yang membawa kepada pelanggaran batas-batas syarak ini harus dipandang serius dalam melangsungkan majlis walimatul urus agar di akhirnya nanti hanya redha Allah yang akan diperolehi. Atas dasar kepercayaan inilah yang akan menjadi tunjang kepada pembentukan sebuah keluarga yang diberkati ketika sebelumnya, semasa majlis dan sesudah majlis iaitu ketika melayari bahtera rumahtangga atau sebaliknya. Harus diingat bahawa pernikahan adalah permulaan untuk memasuki alam rumahtangga, maka jika permulaan mendapat keberkatan disisi Allah Ta’ala, in syaa Allah perjalanan seterusnya lebih mudah, diberkati serta dirahmati Allah SWT.

### **7.3 Hukum menghadiri walimatul ‘urus**

Sesiapa yang diundang ke majlis perkahwinan adalah wajib untuk menghadiri majlis tersebut sekiranya tidak berhadapan dengan sebarang masalah ataupun keuzuran syara’. Selain itu juga, wajib untuk seseorang yang dijemput menghadiri majlis kenduri kahwin sekiranya majlis itu tidak berunsurkan maksiat dan khurafat.

### **7.4 Kepentingan Walimatul ‘Urus**

Antara kepentingan melaksanakan majlis walimatul ‘urs adalah untuk :

- i. Untuk menyatakan rasa kesyukuran kepada Allah SWT.

- ii. Untuk memberitahu orang ramai tentang perkahwinan tersebut yang mana termetarainya ikatan yang sah di antara lelaki dan wanita.
- iii. Bagi memenuhi tuntutan sunat muakkad (mendapat pahala di sisi Allah).
- iv. Bagi meraikan dan memuliakan pasangan pengantin baru.
- v. Untuk mengeratkan hubungan silaturrahim, kekeluargaan dan ukhuwah Islamiyah antara kedua-dua belah pihak pengantin lelaki dan perempuan.
- vi. Mengeratkan hubungan Islamiyah antara masyarakat Islam dan jiran seluruhnya.
- vii. Untuk mengelakkan fitnah dan prasangka buruk daripada masyarakat terhadap pasangan tersebut kiranya tidak diisyiharkan perkahwinan dan diadakan kenduri tersebut.

## **8. TANGGUNGJAWAB AHLI KELUARGA**

Tanggungjawab ialah peranan yang harus dipikul oleh setiap individu terhadap keluarganya dalam memastikan kebahagiaan dan imej serta maruah keluarga sentiasa terpelihara. Bagi membentuk sebuah keluarga bahagia, setiap anggota keluarga hendaklah mengetahui peranan masing-masing. Bapa, ibu dan anak hendaklah mengetahui dan memainkan peranan masing-masing dengan jujur dan ikhlas. Apabila semua ahli dalam keluarga dapat memahami tugas dan tanggungjawab masing-masing, sudah tentu ini akan memudahkan pentadbiran sebuah keluarga (Wan Norina et al,2019). Bahagian ini akan menghuraikan tanggungjawab suami, isteri dan tanggungjawab yang harus dilaksanakan secara bersama.

### **8.1 Tanggungjawab Suami**

Sebagaimana sabda Baginda SAW dalam suatu hadis yang mana mafhumnya :

*“Sebaik-baik daripada kalangan kamu ialah yang paling baik terhadap isterinya. Dan aku adalah yang terbaik terhadap isterinya.”*

(Riwayat Ibn Majah)

Untuk menjadi seorang suami dan bapa, para lelaki harus peka dan faham dengan jelas tentang tanggungjawab-tanggungjawab yang bakal dipikul. Sungguh, peranan sebagai seorang suami itu bukanlah ringan tetapi ia merupakan amanah yang berat dari Allah. Namun dengan pengetahuan bersertakan kesediaan dan keikhlasan hati, insyaAllah suami akan merasakan nikmat dalam melaksanakan tanggungjawab-tanggungjawab ini (Ismail et.al, 2009).

#### **8.1.1 Memberi Nafkah Bulanan**

Dalam Islam, tugas mencari dan memberi nafkah kepada keluarga terletak di atas bahu suami. Setiap bulan, para suami wajib memberi nafkah kepada isterinya. Islam itu agama yang adil kerana nafkah yang wajib ini dilandaskan pada kemampuan suami. Jika pendapatan suami

hanya sekadarnya sahaja, maka pemberian nafkah yang sedikit pun sudah memadai. Asalkan suami menjalankan tanggungjawab tersebut.

Namun sekiranya berada dalam ketidakmampuan, perlulah berbicara dengan elok Bersama isteri dan mintalah mereka halalkannya. Tetapi sebaiknya, gantilah nafkah itu apabila suami mampu kelak. Sesungguhnya terdapat keberkatan pada nafkah yang diberikan kepada isteri dan keluarga. Meskipun isteri bekerja, nafkah ini tetap wajib diberi. Ini seperti mana firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 233 :

*“Dan kewajipan suami memberi makan dan pakaian kepada isteri dengan cara yang baik”*  
(Surah al-Baqarah 2:233)

#### **8.1.2 Menyediakan Tempat Tinggal Dan Keperluan Isteri**

Dengan kudrat dan kemampuan yang ada, para suami haruslah berusaha sedaya upaya untuk memenuhi keperluan isteri dan keluarga. Sebagai contoh, suami mesti menyediakan tempat tinggal yang selamat dan selesa untuk isteri dan anak-anak. Tempat tinggal ini haruslah tidak dikongsi dengan sesiapa sahaja termasuk ibu bapa suami dan isteri. Ini merupakan antara hak seorang isteri kepada suaminya.

Selain itu, keperluan lain seperti makan minum isteri, pakaian dan ubat-ubatan hendaklah juga disediakan. Para suami bertanggungjawab untuk menjaga kebajikan keluarga pada setiap masa. Firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Lelaki itu pemimpin bagi perempuan dengan apa-apa yang Allah telah lebihkan sebahagian mereka ke atas sebahagian yang lain dan lantaran lelaki itu telah memberikan nafkah dengan harta mereka. Perempuan-perempuan yang baik ialah perempuan yang setia dan menjaga diri di belakang suami akan apa-apa yang disuruh Allah menjaganya”*

(Surah al-Nisa' 4:34)

### **8.1.3 Menggauli isteri dengan baik**

Antara salah satu nikmat berumah tangga yang dikurniakan Allah kepada suami dan isteri adalah nikmat jima'. Para suami wajib menggauli isteri dengan cara yang dibenarkan syarak. Isteri mempunyai hak untuk disentuh ketika mereka berkeinginan terhadap suami. Jika tidak ditunaikan, hukumnya berdosa dan dikira suami menzalimi isteri. Selain itu, para suami ditegah untuk menyuruh isteri memenuhi keinginannya melalui cara yang bertentangan dengan syarak. Nikmat hubungan kelamin itu haruslah dipenuhi dan dinikmati dengan tertib dan penuh hormat pada pasangan. Janganlah memaksa isteri untuk melakukan kaedah yang tidak disukainya. Sama-sama belajar tentang kecenderungan pasangan dalam berhubungan intim. Senangilah mereka semampunya. Firman Allah SWT yang bermaksud:

*"Dan bergaullah dengan mereka (perempuan-perempuan) dengan baik dan sekiranya kamu membenci mereka mungkin apa-apa yang kurang kamu sukai itu Allah SWT menjadikan kebaikan yang banyak"*

(Surah al -Nisa" 4:19)

### **8.1.4 Mendidik isteri**

Suami juga wajib mendidik isteri dengan ilmu agama yang secukupnya. Bekalkanlah keluarga dengan ilmu yang bermanfaat untuk kegunaan di dunia dan akhirat. Jika suami sibuk atau tidak mampu, bawalah isteri dan anak-anak ke majlis agama untuk mendidik jiwa mereka. Suami juga boleh mengupah tenaga pengajar yang mahir untuk mengajar anak-anak dan isteri membaca dan mentadabbur Al-Quran. Bukan itu sahaja, para suami juga harus mendidik akhlak isteri dan anak-anak. Sekiranya mereka melakukan perkara yang salah, tegur dan nasihatilah mereka dengan penuh kasih sayang. Tunjukkan mereka cara yang betul untuk melakukannya. Peranan suami sebagai pendidik keluarga itu meliputi kesemua aspek jasmani dan rohani. Dalam mendidik, lakukanlah dengan penuh kelembutan tetapi tegas. Mintalah pertolongan Allah untuk memudahkan niat dan usaha anda dalam membimbing keluarga.

### **8.1.5 Menyantun dan menghormati isteri**

Tanggungjawab suami yang seterusnya adalah menyantun dan menghormati isteri sebaiknya. Dalam apa jua situasi, suami haruslah memberikan layanan yang terbaik kepada isteri. Dalam menjalani kehidupan berumah tangga, sudah tentu ada liku-likunya. Ketika menghadapinya, para suami hendaklah melayani isteri dengan sopan santun dan penuh hormat. Janganlah kerana kedudukan sebagai suami, maka merasakan diri lebih mulia dan mereka tidak layak mendapat penghormatan yang sama.

Suami isteri seharusnya berdiri seiring dengan saling mendampingi dan menyokong satu sama lain. Apabila terjadi persengketaan, janganlah sesekali mengasari tubuh badan isteri dan keluarkan kata-kata yang kasar padanya. Sebagai pembimbing, cubalah untuk berbincang secara elok dengannya. Hormatilah isteri dengan mengelak dari menyentuh sensitivitinya.

Firman Allah SWT yang bermaksud:

*"Dan bergaullah kamu dengan mereka (isteri-isteri kamu itu) dengan cara yang baik. Kemudian jika kamu (merasai) benci kepada mereka (disebabkan tingkah-lakunya, janganlah kamu terburu-buru menceraikannya), kerana boleh jadi kamu bencikan sesuatu, sedang Allah hendak menjadikan pada apa yang kamu benci itu kebaikan yang banyak (untuk kamu)." (Surah an-Nisa', ayat 19)*

### **8.1.6 Menggembirakan hati dan menjaga perasaan isteri**

*Diriwatkan dari Aisyah R.A., bahawa pada suatu hari beliau pernah ditanya: "Bagaimanakah sikap baginda Rasul S.A.W. ketika di dalam rumah? Maka Aisyah menjawab: Baginda Rasul adalah orang yang paling lemah lembut, sering tersenyum dan sering pula tertawa."*

( Riwayat Ibnu Saad)

Ramai para suami yang tidak faham secara menyeluruh tentang konsep pemberian nafkah batin kepada isteri. Mereka menyangka ia hanyalah hubungan kelamin sahaja tetapi sebenarnya ia lebih dari itu.

Menggembirakan hati isteri sebagai contohnya, adalah termasuk dalam nafkah batin yang harus diberikan oleh suami. Apa sahaja perbuatan atau kata-kata yang menyenangkan hati

isteri, itu dikira sebagai nafkah batin juga. Ini adalah antara tanggungjawab suami. Menjaga perasaan dan emosi isteri itu adalah salah satu tugas suami. Elakkanlah melakukan apa sahaja yang boleh menguris dan melukakan hati isteri. Suami bukan sahaja mendapat pahala dengan menghiburkan dan menyenanginya. Malah kegembiraan itu akan memberi kesan kepada perkahwinan dan institusi keluarga.

#### **8.1.7 Menjaga maruah dan aib isteri**

Sememangnya manusia itu diciptakan dengan penuh cela. Begitu juga para isteri. Para suami janganlah sesekali mengharapkan kesempurnaan pada pasangan tetapi sambutlah segala perbezaan dengan positif. Ini bukan bermaksud suami harus menerima kesalahannya tetapi janganlah dicanang pada orang sekeliling walaupun kepada ibu bapa.

Maruah isteri merupakan maruah suami juga. Sekiranya seorang isteri itu melakukan sesuatu yang tidak elok, si suami akan turut terpalit juga. Aib seorang isteri harus dijaga bagi mengelakkan pandangan negative orang luar terhadap isteri sekaligus menyebabkan isteri dicemuh dan hilang maruah kehormatannya. Segala apa yang berlaku dalam rumah tangga haruslah diselesaikan dengan cara yang elok secara berdua tanpa melibatkan pihak lain, kecuali perkara tersebut tidak mampu diselesaikan secara personal.

### **8.2 Tanggungjawab isteri**

Tanggungjawab itu bukanlah bebanan tetapi tanda kasih dan sayang seorang isteri terhadap suaminya. Ia adalah peranan yang anda harus laksanakan dalam memastikan rumah tangga itu berfungsi dan sentiasa diberkati (Ismail et.al, 2009). Tanggungjawab isteri dapat disimpulkan sebagaimana berikut:

### **8.2.1 Taat Dan Patuh Kepada Suami**

Baginda SAW ada bersabda :

*“Seorang isteri yang bersolat lima waktu dan berpuasa pada bulan Ramadan dan memeliharaikan kemaluan dan berlaku taat kepada suaminya pasti masuk syurga melalui mana-mana pintu yang dia suka daripada pintu-pintu syurga”.*

(HR. Ahmad dan Tabarani)

Seorang isteri apabila disuruh suaminya untuk melakukan sesuatu, hendaklah dia patuh dan taat selagi mana perbuatan itu selari dengan syarak. Ini adalah keistimewaan yang diletakkan kepada kaum lelaki sebagai pemimpin dan ia adalah perintah dari Allah.

Perlu difahami oleh isteri bahawa suami memikul tanggungjawab yang amat berat. Mereka bertanggungjawab untuk menuntun ahli keluarga mereka menuju syurga. Dengan mempunyai seorang isteri yang taat pastinya bahtera rumah tangga itu akan lebih mudah untuk dikemudi. Namun dalam konteks ketaatan seorang isteri, isteri tersebut haruslah bijak dalam menilai suruhan dan permintaannya. Janganlah disebabkan rasa cinta yang ada sehingga menyebabkan isteri tersebut sanggup mengetepikan hukum hakam Islam. Dalam melaksanakan apa yang dibenarkan syarak, adalah dibenarkan untuk memperbetulkan pasangan jika ia bertentangan. Ini dapat dilihat dalam sabda Rasulullah SAW :

*“Sekiranya aku ini orang yang menyuruh mana-mana orang supaya sujud kepada orang lain, tentu sekali aku akan menyuruh isteri sujud kepada suaminya”*

(Riwayat Abu Daud dan al Hakim)

### **8.2.2 Menjaga Kehormatan Diri**

Sebagai seorang isteri, segala yang dilakukan bukan sahaja memberi kesan kepada diri sendiri tetapi banyak pihak lain yang akan turut terpengaruh seperti suami, keluarga mertua dan anak-anak. Apabila isteri lakukan sesuatu yang tidak elok, maruah suami akan turut terjejas. Ini bukan sahaja dari sudut pandang adat dan budaya kita tetapi yang lebih utama adalah dalam agama Islam.

Dalam Islam, seorang isteri itu wajib menjaga kehormatan dirinya terutama apabila suaminya tiada. Tidak kira ianya melibatkan tingkah laku, tutur kata dan maruah diri, kesemua ini antara aspek-aspek yang harus dititikberatkan oleh para isteri. Sememangnya maruah isteri tiada tolak bandingnya. Justeru para isteri harus senantiasa berkata baik dan memperlihatkan akhlak yang bagus kepada masyarakat.

### 8.2.3 Meminta Izin Suami

Dalam membuat sebarang keputusan, isteri bukan sahaja harus mendapatkan pendapat suami malah izinnya juga. Sebagai contoh, sekiranya isteri hendak ke pasar, haruslah meminta izin suami terlebih dahulu. Mungkin terdapat sebilangan kaum wanita yang rasa terbeban dengan cara sebegini. Sebelum mereka berkahwin, mereka merasa bebas untuk ke mana



sahaja dengan pelbagai tujuan. Namun setelah mana bergelar isteri, setiap pergerakan mereka terasa seakan dikawal. Selain itu, ini juga adalah antara hak suami kepada isterinya. Bahkan jika isteri ingin berpuasa sunat sekalipun

tetapi jika tidak diizinkan suami, isteri tidak boleh meneruskan niat tersebut. Apabila isteri meminta izin suaminya, itu adalah satu penghormatan kepada mereka sebagai ketua keluarga.

### 8.2.4 Menjaga Harta Benda Suami

Antara tanggungjawab isteri yang lain adalah menjaga harta benda suami. Sedikit ataupun banyak hartanya, tidaklah menjadi alasan untuk para isteri memperlekeh atau menggunakan sewenangnya. Terutamanya apabila ketiadaan suami, para isteri tidak boleh sewenang-wenangnya menggunakan harta suami untuk kegunaan diri sendiri mahupun orang lain. Walaupun untuk bersedekah, isteri mestilah mendapatkan keizinan suami terlebih dahulu. Isteri yang bijak itu adalah wanita yang pandai menguruskan harta suaminya. Dengan harta yang ada, mereka mengutamakan keperluan berbanding kehendak dan tidak boros serta

membazir dalam berbelanja. Jika ada lebihan pula, mereka menyimpan sebagai persediaan menghadapi sebarang masalah kewangan dan perancangan masa hadapan.

### **8.2.5 Memenuhi Keperluan Suami**

Tanggungjawab para isteri yang seterusnya adalah memenuhi keperluan suami sama ada zahir maupun batin. Sebagai contoh, jika para suami berkehendak terhadap isteri, wajiblah para isteri untuk menunaikannya. Apa sahaja yang dipinta oleh suami, isteri haruslah berusaha untuk memenuhinya dengan segera selagi mana masih dalam kemampuan isteri. Keperluan batin suami wajib dijaga sebaik mungkin. Ini adalah antara tugas isteri dalam Islam yang para wanita harus peka.

### **8.2.6 Berhias dan Berdandan Untuk Suami**

Isteri juga harus menghias diri secantiknya untuk tatapan suami. Dalam berdandan, isteri haruslah peka dengan pilihan dan kecenderungan suami dengan mengkaji terlebih dahulu tentang minat dan kesukaan suami. Seorang isteri harus memahami pilihan suami dan cuba untuk mempraktikkannya. Hal ini pastinya menimbulkan kesenangan dan kegembiraan apabila seorang isteri mendampingi suaminya. Lumrah ini bukanlah hal yang rumit kerana fitrah wanita itu sendiri yang sifatnya suka berhias.



### **8.2.7 Menjaga Kehormatan Dan Aib Suami**

Antara perkara yang boleh menjadi punca keretakan rumah tangga ialah lisan para isteri yang tidak menjaga kehormatan suami. Tugas isteri itu adalah untuk menjaga kehormatan suaminya dengan menutup aibnya dan membicarakan perkara yang baik tentangnya.

Terutama ketika ketiadaan suami, isteri haruslah berbicara dengan rasa hormat tentang suami di khalayak umum.

Isteri tidak dibenarkan membuka aib suami meskipun hal itu mengganggu isteri. Sekiranya orang luar cuba untuk memburukkan suami dengan aib yang ada pada dirinya, isteri haruslah mencuba sebaik mungkin untuk menutupinya. Ini kerana maruah suami itu boleh mempengaruhi seluruh ahli keluarganya. Kadang-kadang, apabila seorang suami itu dipandang rendah oleh masyarakat, isteri dan anak-anaknya akan turut terkena tempias. Demikian itu para isteri harus menunjukkan imej yang baik tentang suami. Dalam sesebuah perkahwinan, para suami dan isteri haruslah saling berkhidmat dan berkorban satu sama lain dengan melakukan tugas bersama-sama dengan penuh kasih sayang disamping melaksanakan tanggungjawab masing-masing penuh ikhlas.

### **8.3 Tanggungjawab Bersama**

Dalam sesebuah perkahwinan tidaklah dituntut untuk tanggungjawab sebelah pihak sahaja, bahkan yang lebih utama adalah bagaimana setiap pasangan itu memikul dan memainkan peranan tanggungjawab secara bersama. Antara tanggungjawab bersama adalah:

#### **8.3.1 Amanah**


Suami isteri bertanggungjawab memegang amanah untuk memelihara maruah dan nama baik pasangan serta keluarga masing-masing. Rasulullah SAW juga bersabda yang maksudnya:

*“Sesungguhnya amanah yang paling besar di sisi Allah di akhirat kelak ialah menyebarkan rahsia isteri. Misalnya seorang lelaki bersatu dengan isterinya, kemuadian ia membicarakan kepada orang lain tentang isterinya”*

(Riwayat Muslim)

#### **8.3.2 Mendidik anak-anak**

Tugas yang paling utama dalam kehidupan berumahtangga ialah mendidik anak-anak kerana anak-anak merupakan amanah Allah kepada seseorang. Mendidik anak dengan sempurna



dalam Islam bukan setakat memberi makan dan minum, tetapi lebih dari itu, iaitu memberi pelajaran kepada mereka terutamanya pelajaran fardhu ain di samping fardhu kifayah dengan harapan mendapat keredaan Allah (*mardhotil-lah*).

Allah SWT berfirman dalam surah al-Tahrim ayat 6 yang bermaksud:

*“Wahai orang-orang yang beriman, peliharalah diri kamu dan keluargamu daripada api neraka.”*

(Surah al-Tahrim, ayat 6)

Ini juga selari dengan nukilan pesanan Imam al-Ghazali yang berpesan bahawa anak-anak adalah amanah atas ibu bapa, sekiranya anak tersebut terbiasa dengan perkara kebaikan, maka anak itu akan membesar dalam kebaikan dan biasa dengannya.

### 8.3.3 Kasih sayang

Kasih sayang merupakan fitrah dalam kehidupan manusia, ianya datang dengan sendiri dan bukannya dibuat-buat atau lakonan. Untuk membentulkan kasih sayang yang dicurahkan itu haruslah bertepatan dengan kehendak yang dianjurkan Islam melalui apa yang terkandung dalam al Quran dengan istilah mawaddah dan rahmah. Setiap pasangan Islam perlu mematuhi ajaran ini.

### 8.3.4 Persefahaman dan tolak ansur antara satu sama lain

Persefahaman dan tolak ansur antara satu sama lain adalah penting untuk mencapai rumahtangga yang bahagia dan berkekalan. Sikap saling memahami antara satu sama lain adalah perkara utama dalam rumahtangga. Dalam ajaran Islam, pernikahan menjadi asas dalam membangunkan rumah tangga seterusnya membentuk keluarga yang sakinhah, mawaddah dan rahmah sebagaimana firman Allah SWT bermaksud:

*"Dan di antara tanda yang membuktikan kekuasaannya dan rahmat-Nya, bahawa Ia menciptakan untuk kamu (wahai lelaki), isteri daripada jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikan-Nya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang yang berfikir."*

(Surah ar-Rum :21)

### **8.3.5 Berterus terang dan bersikap terbuka**

Berterus terang dengan pasangan amatlah penting dalam kehidupan berumahtangga. Ianya bertambah baik jika disusuli dengan sikap keterbukaan pasangan. Suami atau isteri yang mengamalkan sikap suka menyembunyikan sesuatu dengan pasangannya secara langsung boleh mereggangkan hubungan. Ini kerana sikap saling mencurigai akan wujud tanpa disedari.

### **8.3.6 Menghargai pasangan**

Menghargai pasangan anda adalah sesuatu yang perlu diwujudkan. Misalnya suami perlu memberi pujian atas apa yang disediakan oleh isteri dan begitu juga oleh pihak isteri. Sungguhpun suami tidak melakukan tugas memasak, membasuh yang mana lebih sinonim dengan kebiasaan wanita, namun pujian yang diberikan kadang kalanya boleh membuatkan pasangan rasa dihargai.

Jika diperhatikan pada doa-doa Nabi Muhammad SAW, banyak yang menjurus supaya diberi keberkatan dan kebaikan dalam melayari bahtera perkahwinan. Antaranya doa yang dipetik dalam surah al-Furqan, ayat 74:

*"Wahai Tuhan kami, anugerahkanlah kepada kami pasangan kami dan keturunan kami sebagai penyenang hati (kami) dan jadikanlah kami pemimpin bagi orang yang bertakwa."*

### **8.3.7 Menghormati antara satu sama lain**

Walaupun hak dan kuasa adalah lebih kepada suami, namun suami juga perlu menerima pandangan yang diberikan oleh isteri. Sikap saling menerima pandangan secara langsung akan mewujudkan sikap hormat isteri kepada pasangan.

### **8.3.8 Saling mempercayai antara satu sama lain**

Sikap saling mempercayai amat penting dalam kehidupan berumahtangga. Tanpa sikap tersebut rasa ragu-ragu dan curiga antara satu sama lain akan timbul. Ini menyebabkan hubungan suami atau isteri menjadi dingin. Tanggungjawab membentuk sesebuah keluarga merupakan tanggungjawab bersama.

### **8.3.9 Menghormati kedua-dua ibu bapa mereka sama ada ibu bapa suami atau ibu bapa isteri.**

Kedua-dua ibu bapa pasangan adalah sama tarafnya sebagai ibu bapa dan sama-sama perlu dijaga dan dihormati sebagaimana firman Allah SWT ertinya:

*"... dan tuhanmu telah perintahkan supaya engkau tidak menyembah melainkan kepadaNYa semata-mata dan hendaklah engkau berbuat baik kepada kedua ibu bapa jika salah seorang dari keduanya atau kedua-duanya sekali, meningkat umur tua dalam jagaan dan peliharaanmu, maka janganlah kamu berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan "ah" dan janganlah engkau menengking dan menyergah mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun)"*

(Surah Al Isra':23)

## **SOALAN ULANGKAJI 1**

### **BAHAGIAN A**

Sila pilih jawapan yang betul.

1. Berikut tujuan perkahwinan kecuali :

- a) membentuk sebuah keluarga yang harmoni
- b) asas kepada pembentukan sebuah masyarakat yang baik
- c) meramaikan zuriat semata-mata
- d) bentuk pengabadian diri kepada Allah S.W.T

2. Golongan berikut haram dikahwini sementara iaitu :

- a) Perempuan janda
- b) Perempuan yang selesai iddah
- c) Perempuan yang dalam iddah
- d) Golongan Khunsa

3. Golongan berikut haram dikahwini kerana persemedaan kecuali :

- a) Anak tiri
- b) Ibu mertua
- c) Anak menantu
- d) Anak susuan

4. “*Seorang wanita haram dikahwini disebabkan hubungan penyusuan...*”

Antara syarat untuk pengharaman hubungan tersebut ialah...

- a) Mempunyai hubungan kekeluargaan
- b) Umur kanak-kanak melebihi dua tahun
- c) Wanita yang menyusukan anak itu telah berkahwin

- d) Menyusu sekurang-kurangnya 5 kali kenyang

5. Hukum perkahwinan ada ... :

- a) 6
- b) 4
- c) 5
- d) 3

6. Apakah hukum bagi situasi hukum perkahwinan berikut.

*"Ali ingin berkahwin kerana beliau merasakan sudah mempunyai kewangan yang stabil di samping tahap kesihatan yang baik selepas hampir 2 tahun berada dalam keadaan lumpuh"*

- a) Harus
- b) Makruh
- c) Haram
- d) Wajib

7. Keutamaan dalam pemilihan pasangan adalah :

- a) Kekayaan
- b) Keturunan
- c) Agama
- d) Rupa paras yang cantik

8. Apakah hukum pinangan bagi situasi berikut :

*"Agil meminang Aina yang baru kematian suaminya sebulan yang lalu"*

- a) Haram
- b) Harus

- c) Sunat
- d) Wajib

9. Maksud peminangan dalam islam ialah :

- a) nasihat seorang ayah kepada anaknya.
- b) persetujuan seorang perempuan untuk dinikahi
- c) persetujuan seorang lelaki dan perempuan untuk berkahwin.
- d) lamaran seorang lelaki dan seorang perempuan untuk dijadikan isteri.

10. Peminangan boleh dilakukan dengan jenis lafaz ..... ?

- a) Soreh dan inayah
- b) Soreh dan riayah
- c) Soreh dan kinayah
- d) Soreh dan riwayah

11. Pengertian wali nikah:

- a) Keluarga terdekat yang boleh menjadi wali dalam sesuatu perkahwinan
- b) Orang yang berkuasa untuk mengahwinkan seorang perempuan
- c) Orang yang boleh menjadi saksi dalam perkahwinan
- d) Bapa dan datuk

12. Siapakah wali Mujbir:

- a) Saudara lelaki seibu sebapa
- b) Saudara lelaki sebapa
- c) Bapa saudara dari sebelah bapa
- d) Bapa

13. Yang manakah antara berikut bukan wali nikah?

- a) Datuk
- b) Abang
- c) Bapa
- d) Abang angkat

14. Imam dan Qadhi adalah contoh bagi:

- a) Wali mujbir
- b) Wali nasab
- c) Wali hakim
- d) Wali bukan mujbir

15. Adik beradik lelaki atau bapa saudara adalah:


- a) Wali bukan mujbir
- b) Wali nasab
- c) Wali hakim
- d) Wali mujbir

16. Dua sebab mengapa Islam mengharuskan seseorang lelaki dan perempuan melihat bakal tunangnya?

- a) Supaya berpuas hati dengan pilihan yang dibuat.
- b) Mengelakkan penipuan.
- c) Dapat membuat keputusan yang cepat.
- d) Menilai antara calon yang lain.

17. Berikut adalah contoh maksiat dalam walimatulurus kecuali

- a) Makanan yang lazat
- b) Hiburan dan muzik yang keterlaluan



- c) Pergaulan bebas lelaki dan perempuan
- d) Pendedahan aurat lelaki dan perempuan

18. Yang manakah antara berikut bukan hikmah walimatul urus

- a) Melahirkan rasa kesyukuran kepada Allah SWT kerana dapat membina
- b) Melahirkan rasa bangga di atas perkahwinan yang besar-besar
- c) Melahirkan rasa gembira atas ikatan perkahwinan
- d) Meningkatkan syiar Islam

19. Antara ciri walimatulurus yang dibenarkan dalam Islam ialah

- a) Majlis kenduri yang diadakan secara besar-besaran
- b) Menghibur para jemputan dengan lagu-lagu hiburan serta kugiran
- c) Tiada unsur maksiat dan khurafat
- d) Percampuran antara lelaki dan perempuan

20. Berikut merukan syarat saksi KECUALI:

- a) Beragama Islam
- b) Lelaki
- c) Baligh
- d) Saudara rapat

21. Hikmah saksi dalam perkahwinan:

- a) Mengelak berlakunya fitnah
- b) Melarikan diri jika timbul masalah
- c) Mencanang aib pengantin lelaki
- d) Menyebar keburukan keluarga pengantin

22. Kebahagiaan rumah tangga boleh dicapai dengan cara

- i Bertanggungjawab antara satu sama lain.
  - ii Mengadu kepada ibu bapa mengenai masalah rumah tangga
  - iii Sentiasa bertoleransi dan bertolak ansur
  - iv menjauhi perkara mungkar
- 
- a) i, ii dan iii
  - b) i, ii dan iv
  - c) i, iii dan iv
  - d) ii, iii dan iv

*Bagi soalan 23, 24 dan 25, sila tandakan [ / ] pada penyertaan yang betul dan [ X ] pada keterangan yang salah.*

23. Seorang isteri wajib mengikut suruhan suami yang tidak membenarkannya untuk menutup aurat. [        ]

24. Seorang isteri boleh melakukan tabarruj di hadapan lelaki lain. [        ]

25. Tugas memberikan pendidikan kepada anak – anak adalah tanggungjawab bersama suami dan isteri [        ]

## **BAHAGIAN B**

1. Senaraikan rukun nikah

2. Nyatakan 4 syarat untuk menjadi suami

BIL	SYARAT MENJADI SUAMI
1	
2	
3	
4	

3. Nyatakan 4 syarat untuk menjadi isteri

BIL	SYARAT MENJADI ISTERI
1	
2	
3	
4	

4. Nyatakan tiga (3) sebab mengapa seorang suami bertanggungjawab memberi didikan agama kepada isterinya.

---

---

---

---

5. Antara tanggungjawab isteri adalah ‘membelanjakan harta suami dengan sebaiknya’. Huraikan.

---

---

---

---

## **SOALAN ULANGKAJI 2**

### **LATIHAN BAHAGIAN A**

Sila pilih jawapan yang betul.

1. Antara tujuan utama perkahwinan perlu mengikut syariat Islam ialah untuk

- a) Mendapat pahala
- b) Menjaga maruah diri dan agama
- c) Menjaga hubungan silaturrahim
- d) Menjamin perkahwinan sah

2. Apakah hukum bagi situasi hukum perkahwinan berikut.

*"Ali gemar menonton video lucu dan keluar berpoya-poya dengan wanita yang bukan muhrim. Namun Ali tidak pernah menanam niat untuk berkahwin"*

- e) Harus
- f) Makruh
- g) Haram
- h) Wajib

3. Hukum perkahwinan bagi situasi berikut adalah ?

*[Mampu menunaikan nafkah zahir dan batin ;  
berkeinginan untuk berkahwin ; DAN  
tidak dikuatir melakukan kezaliman terhadap pasangannya]*

- a) Haram
- b) Wajib
- c) Sunat
- d) Makruh

4. Antara berikut yang manakah tidak benar mengenai hikmah disyariatkan perkahwinan dalam Islam
- a) Mengatasi masalah kemiskinan
  - b) memupuk kasih sayang
  - c) mengeratkan silaturahim
  - d) mendapat ganjaran pahala
5. Berikut merupakan kriteria yang perlu dihindarkan dalam pemilihan pasangan :
- e) Kekayaan semata-mata
  - f) Keturunan yang baik
  - g) Agama
  - h) Rupa paras yang cantik
6. Rukun perkahwinan ada ... :
- e) 6
  - f) 4
  - g) 5
  - h) 3

7. Amalan berikut adalah cara-cara untuk mengelakkan diri daripada melakukan maksiat apabila seseorang tidak mampu untuk berkahwin kecuali :
- a) Menundukkan pandangan dari melihat perkara maksiat
  - b) Membanyakkan amalan-amalan sunat
  - c) Melakukan ibadat puasa
  - d) Mengambil wudhu'

8. Pilih pasangan yang tepat mengenai ciri wanita pilihan menurut hadis Rasulullah SAW..

- a) Cantik, berharta, berwibawa, solehah
- b) Cantik, berpangkat, berharta, solehah
- c) Cantik, berharta, berketurunan, solehah
- d) Cantik, berketurunan, bekerjaya, solehah

9. Islam menetapkan KEUTAMAAN dalam pemilihan calon supaya memilih berdasarkan

- a) Harta
- b) Paras rupa
- c) Agama
- d) Keturunan

10. Berikut adalah pernyataan yang benar tentang rukun nikah KECUALI

- a) Wali
- b) Mahar
- c) Ijab dan Qabul
- d) Dua orang saksi

11. Berikut merupakan syarat bakal suami KECUALI:

- a) Beragama Islam
- b) Bukan mahram
- c) Lelaki
- d) Kaya

12. Syarat yang membolehkan wali mujbir mengahwinkan gadis:

- a) Tidak cacat
- b) Sekufu/sama taraf
- c) Mampu memberi nafkah
- d) Tidak ada permusuhan antara mereka

13. "Aku terima nikahnya Fatimah binti Ahmat dengan mas kahwin RM 24.00 tunai".

Lafaz ini merupakan lafaz:

- a) Ijab
- b) Qabul
- c) Jual beli
- d) Zihar

14. Apakah kesan terhadap masyarakat apabila terdapat pihak yang tidak mengikut Undang-undang Keluarga Islam semasa proses perkahwinannya ?

- a) Kecelaruan keturunan & kucar kacir kehidupan
- b) Menjadi mundur
- c) Tidak dihormati oleh agama lain
- d) Tiada kerjasama dan persefahaman

15. Manakah yang berikut merupakan keuzuran yang dibolehkan untuk tidak menghadiri majlis perkahwinan :

- I Sibuk
- II Sakit
- III Jarak rumah terlalu dekat
- IV Keselamatan terancam

- a) I dan II
- b) I dan III
- c) II dan IV
- d) III dan IV

16. Berikut tanggungjawab isteri KECUALI :

- a) Memberikan kasih sayang kepada anak – anak
- b) Mendidik anak dengan dengan didikan yang sempurna
- c) Membelanjakan harta suami dengan berhemah untuk diri sendiri
- d) Taat kepada suami dalam perkara yang bertentangan dengan syarak.

17. Kesan daripada pengabaian tanggungjawab terhadap rumah tangga :

- a) Rumah tangga semakin bahagia
- b) Anak – anak hidup dengan penjagaan yang sempurna
- c) Isteri akan menanggung beban keluarga
- d) Anak – anak membesar sihat.

*Bagi soalan 18, 19 dan 20, sila tandakan [ / ] pada penyertaan yang betul dan [ X ] pada keterangan yang salah.*

18. Tugas rumah tangga adalah sepenuhnya tanggungjawab seorang isteri [        ]

19. Seorang suami boleh memberikan separuh daripada hartanya kepada isteri jika dia mampu [        ]

20. Suami bebas melakukan apa sahaja jenis penderaan kepada isteri. [        ]

## LATIHAN BAHAGIAN B

1. Siapakah golongan yang haram dikahwini dalam Islam. Jelaskan.

---

---

---

2. Antara hukum perkahwinan adalah Wajib. Nyatakan sebab yang membawa kepada implikasi hukum ini.

---

---

---

3. Nyatakan dua (2) tanggungjawab bersama suami dan isteri.

---

---

---

4. Senaraikan dua (2) syarat – syarat yang mewajibkan menghadiri majlis walimah

---

---

---

5. Senaraikan dua (2) syarat ijab dan qabul

---

---

---

## **SKEMA JAWAPAN ULANGKAI**

### **1. ULANGKAI 1**

#### **JAWAPAN LATIHAN BAHAGIAN A**

Bil	Jawapan								
1.	C	6.	A	11.	B	16.	B	21.	A
2.	C	7.	C	12.	D	17.	A	22.	C
3.	D	8.	A	13.	D	18.	B	23.	SALAH
4.	D	9.	D	14.	C	19.	C	24.	SALAH
5.	C	10.	C	15.	B	20.	D	25.	BETUL

#### **JAWAPAN LATIHAN BAHAGIAN B**

##### **1. Rukun nikah:**

- i. Calon suami personal yang tertentu
- ii. Calon isteri personal yang tertentu
- iii. Wali
- iv. Dua saksi
- v. Ijab dan qabul

##### **2. Empat (4) syarat menjadi suami:**

- i. Calon suami mestalah orang yang halal dinikahi dengan bakal isteri (bukan muhrim)
- ii. Bakal suami mestalah tahu yang bakal isteri itu sah berkahwin dengannya
- iii. Dengan pilihan hati sendiri (tidak dipaksa)
- iv. Suami bukan di dalam ihram ( sama ada ihram haji atau umrah)
- v. Calon suami mestalah seseorang lelaki yang tertentu

**3. Empat (4) syarat menjadi isteri:**

- i. Calon isteri mestilah perempuan yang halal nikah dengan calon suami (bukan muhrim dengan bakal suami)
- ii. Benar-benar ia seorang perempuan (bukan khunsa)
- iii. Dengan kerelaannya sendiri
- iv. Calon isteri bukan dalam ihram haji atau umrah
- v. Calon isteri mesti seseorang yang tertentu

**4. Tiga (3) sebab mengapa seorang suami bertanggungjawab memberi didikan agama kepada isterinya:**

- i. Pegangan agama yang kukuh dalam perkahwinan adalah tonggak kebahagiaan rumah tangga
- ii. Dapat mengeratkan hubungan suami isteri dengan restu Allah SWT
- iii. Supaya rumah tangga sentiasa mendapat keberkatan.
- iv. Untuk menggapai reda Allah SWT

**5. Maksud tanggungjawab isteri adalah ‘membelanjakan harta suami dengan sebaiknya’ ialah :**

Membelanjakan harta suami dengan sebaiknya adalah salah satu tanggungjawab isteri kepada suaminya. Sedikit ataupun banyak hartanya, tidaklah menjadi alasan untuk isteri memperlekeh atau menggunakannya. Terutamanya apabila ketiadaan suami, para isteri tidak boleh sewenang-wenangnya menggunakan harta suami untuk kegunaan diri sendiri mahupun orang lain. Walaupun untuk bersedekah, isteri mestilah mendapatkan keizinannya terlebih dahulu.

Isteri yang bijak itu adalah wanita yang pandai menguruskan harta suaminya. Dengan harta yang ada, mereka mengutamakan keperluan berbanding kehendak dan tidak boros serta membazir dalam berbelanja. Jika ada lebihan pula, mereka menyimpan sebagai persediaan menghadapi sebarang masalah kewangan dan perancangan masa hadapan.

## 2. ULANGKAJI 2

### JAWAPAN LATIHAN BAHAGIAN A

Bil	Jawapan	Bil	Jawapan	Bil	Jawapan	Bil	Jawapan
1.	B	6.	C	11.	D	16.	D
2.	D	7.	D	12.	A	17.	C
3.	C	8.	C	13.	B	18.	SALAH
4.	A	9.	C	14.	A	19.	BETUL
5.	A	10.	B	15.	C	20.	SALAH

### JAWAPAN LATIHAN BAHAGIAN B

1. **Golongan yang haram dikahwini dalam Islam ada 3 iaitu :**

- i. Haram kerana nasab (keturunan)
- ii. Haram kerana musaharan (persemedaan)
- iii. Haram kerana radha'ah (susuan)


2. **Sebab yang membawa kepada implikasi hukum wajib berkahwin adalah :**

- i. Berkemampuan menunaikan nafkah zahir & batin
- ii. Sihat tubuh badan
- iii. Ditakuti jatuh ke dalam penzinaan

3. **Dua (2) tanggungjawab bersama suami isteri ialah :**

- i. Amanah

Tanggungjawab suami isteri memegang amanah untuk memelihara maruah dan nama baik pasangan serta keluarga masing-masing.



ii. Mendidik anak-anak

Tugas yang paling utama dalam kehidupan berumahtangga ialah mendidik anak-anak kerana anak-anak merupakan amanah Allah kepada seseorang.

iii. Kasih sayang

Kasih sayang merupakan fitrah dalam kehidupan manusia, ianya dating dengan sendiri dan bukannya dibuat-buat atau lakonan. Untuk membetulkan kasih sayang yang dicurahkan itu menepati dengan kehendak yang sebenar maka Islam telah mengajar umatnya melalui al Quran dengan istilah mawaddah dan rahmah. Setiap pasangan Islam perlu mematuhi ajaran ini.

iv. Persefahaman dan tolak ansur antara satu sama lain

Persefahaman dan tolak ansur antara satu sama lain adalah penting untuk mencapai rumahtangga yang bahagia dan berkekalan. Sikap saling memahami antaran satu sama lain adalah perkara utama dalam rumahtangga.

v. Berterus terang dan bersikap terbuka

Berterus terang dengan pasangan perlu dalam kehidupan berumahtangga. Ia lebih baik jika disertai sikap terbuka pasangan. Suami atau isteri yang mengamalkan sikap suka menyembunyikan sesuatu dengan pasangannya secara langsung boleh mereggangkan hubungan. Ini kerana sikap saling mencurigai akan wujud secara tidak disedari.

vi. Hargai pasangan

Menghargai pasangan anda adalah sesuatu yang perlu diwujudkan. Misalnya suami perlu memberi pujian atas apa yang disediakan oleh isteri. Begitu juga dengan pihak isteri, biarpun suami tidak melakukan tugas memasak, membasuh dan sebagainya, pujian yang diberikan kerana membantu di dapur pada hujung minggu sekurang-kurangnya membuatkan rasa anda dihargai.

**4. Dua (2) syarat – syarat yang mewajibkan menghadiri majlis walimah:**

- i. Tidak menghadapi sebarang masalah ataupun keuzuran syara'
- ii. Sekiranya majlis itu tidak berunsurkan maksiat dan khurafat

*(mana-mana jawapan lain yang bersesuaian)*

**5. Dua (2) syarat ijab dan qabul:**

Bil	Syarat ijab	syarat qabul
1	Pernikahan hendaklah dengan perkataan nikah atau dengan perkataan yang sama maksudnya secara terang dan tepat. Seperti: "ankahtuka" (aku nikahkan engkau) atau lafaz "zawajtuka" (aku kahwinkan engkau)	Lafaz Qabul (terima) hendaklah sesuai dengan lafaz ijab
2	Tidak diikatkan dengan tempoh waktu tertentu (seperti ikatan perkahwinan yang dijanjikan dan dipersetujui dalam tempoh tertentu dalam nikah kontrak/mutaah)	Hendaklah terang dan nyata, bukan kiasan.
3	Tidak secara taklik. Tiada sebutan prasyarat sewaktu ijab (lafaz akad) dilafazkan	lafazkan oleh bakal suami atau wakilnya (atas sebab-sebab tertentu)
4	Tidak boleh menggunakan perkataan kiasan dan sindiran.	Tidak diikatkan atau mengandungi perkataan yang terbatas tempoh waktunya
5	Ijab dan qabul hendaklah didengar dan difahami oleh dua saksi	Menyebut nama bakal isteri

6	<p>Dilafazkan oleh wali atau wakilnya</p> <p>* <b>Contoh lafaz ijab:</b></p> <p><i>"Daku nikahkan dikau dengan ..... binti .... (sebutkan nama pengantin perempuan) dengan mas kahwin sebanyak RM ..... tunai."</i></p>	<p>Tidak secara taklik (tiada sebutan prasyarat sewaktu <u>gabul dilafazkan</u>)</p>
---	---	--

## SENARAI RUJUKAN

Abdul Basit Abd Rahman. (2012). Keindahan Islam Hikmah-Hikmah Disebalik Pensyariatan. Telaga Biru.

Abdul Jalil Mohd Hassan. (1982). *The Islamic Concept of Marriage*. Jabatan Pengajian Islam Universiti Malaya. hal. 254

Abdurrahman Ghazali. (2003). *Fiqih Munakahat*. Kencana. Hal 114

Al-Bardisi, Muhammad Zakaria. (1975). *Al-Ahkam al-Islamiyyah Fi al-Ahwal al-Shakhsiyah*. Kaherah. hal.30

Al-Ghazzi, Muhammad Qasim. (1970). *Sharh Fath al-Qarib al-Mujib 'Ala al-Kitab al-Musamma Bi al-Taqrif*. (Juz.4). Mustafa al-Babi al-Halabi. hal.43

Al-Hathainiy, Ali Bin Abi Bakr. (1407). *Majmu' al-Zawa'id*. (Juz. 4). Dar al-Rayyan Li-Turath. hal. 252

Al-Jamal, Ibrahim Muhammad. (1988). *Fiqh Wanita (Muamalat)*. (Terj) Mat Saad 'Abd Rahman. Penerbitan Hizbi. Hlm 8.

Al-Jufi, Muhammad bin Ismail Abu Abdullah al-Bukhari. (1422). *Al-Jami' Al-Musnad Al-Shahih Al-Mukhtashar Min Umuri Rasulillah SAW, Wa Sunanihi Wa Ayyamihi (Shahih Bukhari)*. Dar Thauqi al-Najah.

Al-Kahlani, Muhammad bin Ismail. (1960). *Subul al-Salam*. (Juz 3). Matba'ah Mustafa al-babi al-halabi wa Awladuhu. Hlm 217

Al-Qurtubiy. (1996). *Bidayah al-Mujtahid Wa al-Nihayah al-Muqtasid*. (Juz 4). Dar al-Kutub Al-'Ilmiyyah. hal 197-198

Al-Sayyid Sabiq. (1987). *Fiqh al-Sunnah*. (Terj) Mahyudin Syaf. Pustaka al-Azhar. Hlm 88-89

Al-Shan'ani. (1995). Subul al-Salam, Abu Bakar Muhammad (Terj). Al-Ikhlas. hal. 393.  
Al-Sheikh al-Imam al-Shafi'e. (2000). *Al-Fiqh al-Wadih 'Ala Mazhab Al-Imam Al-Syafi'iye*. (Terj). Hj. S'aid Haji Ibrahim. Dar al-Ma'rifah. (Jil. 1). hal 118.

Asiah 'Ali. (1999). *Pendidikan, Kekeluargaan dan Perjuangan*. Penerbitan Muttaqin Sdn. Bhd. hal. 87-88.

Azamudden Mohd Taib, Hassan Mohamed Yasin, Abdul Majid hj Jaafar & T. Muhammad,

Fadhilah Sarnap. (2001). *Pembinaan Sistem Kekeluargaan Islam*. Perniagaan Jahabersa. hal.141

Ibn Hanbal, Ahmad Bin Muhammad. (t.t). *Mu'jam al-Mughni Fi al-Fiqh al-Hanbali, Mustakhlis Min Kitab al-Mughni Li Ibn Qadamah*. (Juz. 2). Dar al-Fikr. hal. 980

Ismail kamus & Mohd Azrul Azlen. (2009). *Indahnya Hidup Bersyariat*. Telaga Biru Sdn Bhd.

Mat Saad Abd Rahman. (2006). Undang-Undang Keluarga Islam, Aturan Perkahwinan Suatu Pendekatan Berdasarkan Amalan Semasa. Intel Multimedia & Publication.

Mat Saad Abd. Rahman. (1993). *Undang-undang Keluarga Islam, Aturan Perkahwinan, Suatu Pendekatan Berdasarkan Amalan Semasa*. Hizbi Sdn. Bhd. hal. 17

Md. Akhir Hj. Yaakob & Siti Zalikhah Md. Noor. (1989). Beberapa Aspek Mengenai Keluarga

Md. Hashim bin Hj. Yahaya. (1988). Kebahagiaan Rumahtangga Muslim. Pustaka Fajar.

Mohammad Som Sujimon & Abdul Basir Mohamad. (2006). *Fikah Kekeluargaan*. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Hlm 55-56

Mohd Sanusi bin Hj Mahmood. (1988). Undang-Undang Keluarga Islam. Dian Darilnaim

Muhammad 'Ali Quthb. (1999). (Terj) Taib Azamudden Mohd Taib, Hassan Mohamed Yasin, Abdul Majid hj Jaafar & T. Muhammad. Mutiara Perkahwinan Menurut Ajaran Islam. Pustaka Haji Andul Majid.

Muhammad Qasim al-Ghazzi. (1970). *Sharh Fath al-Qarib al-Mujib 'Ala al-Kitab al-Musamma Bi al-Taqrif*. (juz.4). Mustafa al-Babi al-Halabi. hal.43

Munawwir, A.W. (2002). *Kamus al-Munawwir Arab-Indonesia Terlengkap*. cet. XXV. Pustaka Progressif. hal. 1461.

Mustafa al-Khin. (1992M/ 141H). *Fiqh al-Manhaji 'Ala Mazhab al-Imam al-Syafi'e*. Jil. 2, cet. 3. Damsyik: Dar al-Qalam. hal. 11.

Rozumah Baharudin dan Rumaya Juhari. (2002). *Pengantar Perkahwinan dan Keluarga*. Universiti Putra Malaysia. hal. 2

Sayyid Sabiq. (1365H). *Fiqh al-Sunnah*. Maktabah al-Khadamat al-Hadithah. (Jil. 2). hal. 141-143

Shahrulnizam Muhadi. (2018, Oktober 01). Hukum Bertunang Besar-besaran. Dicapai melalui <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/2624-al-kafi-819-hukum-bertunang-besar-besaran>

Sulaiman Endut. (1999). Perkahwinan (Siri Minda Utusan). Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. hal. 13.

Sulaiman Rasjid, H. (1976), *Fiqh Islam*. Penerbit Attahiriyah. hal.355

Sulaiman Rasyid. (2002). *Fiqh Islam*. Sinar Baru Al-Gesindo. 374

Syh Noorul Madihah Syed Husin, Raihahnah Azahari & Asmak Ab. Rahman. (2016). Analisa Konsep Perbelanjaan Perkahwinan Rasulullah SAW. *Jurnal Usuluddin*. Vol 4. 109-136

'Umar 'Abd Allah. (1961). *Ahkam al-Syari'yyah al-Islamiyyah Fi Ahwal al-Shakhsiyah*. (Cet. 3). Dar al-Ma'arif. hal.30-31

Unit al-Quran Sunah dan Tafsir Pusat Penyelidikan Islam. (1994). *Tanggungjawab Ibu bapa dan Anak Menurut Al-Quran Dan Sunnah*. Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri. hal. 13-14.

Wahbah al-Zuhaili. (1989). *Al-Fiqh al-Islamiyy Wa Adillatuh*. (Juz 2). Cet. 3. Dar al-Fikr. hal. 56

Wan Norina Wan Hamat, Norhaslina Sulaiman, Ahmad Fkrudin Mohamed Yusoff & Ammar Badruddin Romli. (2019). Siri Politeknik Pengajian Islam. Oxford Fajar Sdn. Bhd.

Zulkifli Mohamad al Bakri. (2010). Sistem Kekeluargaan Dalam Islam. One Touch Creative Sdn Bhd.

POLITEKNIK MELAKA  
NO. 2, JALAN PPM 10  
PLAZA PANDAN MALIM  
75250 MELAKA  
TEL: 06 336 6000  
FAX: 06 337 6007

e ISBN 978-967-0838-74-8



9 7 8 9 6 7 0 8 3 8 7 4 8  
ASAS SYARIAH DALAM  
MUNAKAHAT